

Strategi dan Cabaran Pengajaran Kemahiran Membaca yang Digunakan oleh Guru Bahasa Melayu dari Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dalam Meningkatkan Kemahiran Membaca Murid Tahap 1
(Strategies and Challenges Teaching Reading Skill Usage by Malay Language Teacher from Chinese Type National School into Increase Reading Skill Level 1 Students)

¹LOW JIE YING & ²ZAMRI MAHAMOD

¹Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Chi Sin, Batu Kikir, Kuala Pilah, Negeri Sembilan, Malaysia

²Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, Malaysia

p130167@siswa.ukm.edu.my & d-zam@ukm.edu.my

Dihantar: 22 April 2024 / Diterima: 22 Julai 2024

Koresponden e-mel: d-zam@ukm.edu.my

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan dengan tujuan untuk meneroka strategi dan cabaran guru Bahasa Melayu (GBM) yang mengajar murid bukan penutur natif di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) untuk menguasai kemahiran membaca Bahasa Melayu. Reka bentuk kualitatif telah dipilih sebagai kaedah kajian ini. Peserta kajian terdiri daripada seramai tiga orang GBM yang mengajar di tiga buah SJKC di daerah Klang, Selangor. Temu bual telah digunakan sebagai alat utama untuk mengumpulkan data. Data temu bual dianalisis secara bertema. Analisis transkripsi temu bual telah menghasilkan tujuh tema strategi mengajar kemahiran membaca. Daripada tujuh strategi mengajar tersebut, tiga strategi digunakan oleh keempat-empat GBM, iaitu strategi mengenal pasti tujuan membaca, mengimbas teks untuk maklumat yang spesifik (scanning), dan analisis kosa kata. Empat strategi mengajar kemahiran membaca yang lain ada digunakan tetapi kurang diaplikasikan oleh GBM di SJKC. Dapatkan kajian juga telah mengenal pasti sembilan cabaran pengajaran kemahiran membaca yang dihadapi oleh GBM di SJKC. Namun demikian, cabaran kesuntukan masa untuk mengajar kemahiran membaca dan cabaran minat murid Cina yang rendah menyebabkan murid berasa bosan belajar Bahasa Melayu dihadapi oleh keempat-empat GBM yang mengajar di SJKC tersebut. Begitu juga cabaran pedagogi dan sikap GBM di SJKC serta cabaran kekurangan sokongan daripada pelbagai pihak juga cabaran utama dihadapi oleh tiga daripada empat GBM di SJKC ketika mengajar Bahasa Melayu. Rumusannya, pihak-pihak berkepentingan seperti guru, pentadbir sekolah, dan ibu bapa perlu memainkan peranan dan bekerjasama untuk membantu mengatasi masalah kemahiran membaca murid-murid bukan penutur natif ini seperti kalangan murid Cina untuk mempelajari dan menguasai kemahiran membaca dengan baik.

Kata Kunci: Strategi pengajaran, Cabaran pengajaran, Kemahiran membaca, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, Murid bukan penutur natif

ABSTRACT

This study was This study was conducted with the aim of exploring the strategies and challenges of Malay Language teachers (GBM) who teach non-native speakers in Chinese National Type Schools (SJKC) to master Malay reading skills. Qualitative design was chosen as the method of this study. The study participants consisted of a total of three GBM who teach at three SJKC in the Klang district, Selangor. Interviews were used as the main tool to collect data. Interview data were analyzed thematically. Analysis of interview transcriptions has produced seven themes of strategies for teaching reading skills. Of the seven teaching strategies, three strategies are used by all four GBM, namely the strategy of identifying the purpose of reading, scanning the text for specific information (scanning), and vocabulary analysis. The other four strategies for teaching reading skills are used but less applied by GBM at SJKC. The findings of

the study have also identified nine challenges in teaching reading skills faced by GBM at SJKC. However, the challenge of lack of time to teach reading skills and the challenge of low Chinese students' interest causing students to feel bored learning Malay Language are faced by all four GBM who teach at the SJKC. Likewise, (8) the pedagogic challenge and GBM's attitude at SJKC and (9) the challenge of lack of support from various parties are also the main challenges faced by three out of four GBM at SJKC when teaching Malay Language. In conclusion, stakeholders such as teachers, school administrators, and parents need to play a role and work together to help overcome the problem of reading skills of non-native speakers such as Chinese students to learn and master reading skills well.

Keywords: Teaching strategies, Teaching challenges, Reading skill, Chinese National Type School, Non-native speakers student

PENGENALAN

Membaca merupakan satu tindakan komunikasi, iaitu satu proses berfikir yang melibatkan idea, kenyataan, dan perasaan yang disampaikan oleh penulis kepada pembaca melalui perantaraan lambang-lambang bahasa (Norlela dan Shamsudin 2020). Dalam konteks pendidikan, kemahiran membaca merupakan salah satu kemahiran literasi bahasa yang didefinisikan sebagai "*kenal atau celik huruf*" atau kemampuan minimum untuk membaca dan menulis dalam sesuatu bahasa. Sehubungan dengan itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melaksanakan beberapa langkah bagi memastikan pelajar khususnya murid Tahap 1 menguasai kemahiran membaca menulis dan mengira (3M) dengan lebih baik. Kegagalan atau ketidakupayaan sebahagian murid sekolah rendah menguasai kemahiran asas 3M merupakan salah satu cabaran getir dunia pendidikan hari ini. Mantan Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Mah Hang Soon dalam Berita Harian (Muhammad Yusri 2021) menyatakan bahawa penguasaan literasi dan numerasi haruslah sentiasa ditekankan dalam sistem pendidikan. Literasi bahasa, yang sering disebut sebagai '*celik huruf*', merupakan kemahiran minimum untuk membaca dan menulis dalam sesuatu bahasa.

Kemahiran literasi seseorang tidak berlaku secara semula jadi tetapi memerlukan proses dan pelaksanaan yang sistematik. Kesedaran tentang kepentingan literasi bahasa dalam pendidikan menyebabkan KPM (2010) melaksanakan Program Saringan Literasi dan Numerasi (LINUS) pada tahun 2010 untuk membantu murid di peringkat sekolah rendah di seluruh negara menguasai kemahiran 3M (membaca, menulis dan mengira). Bermula tahun 2019, Program LINUS telah dihentikan dan digantikan dengan program peringkat sekolah yang memantau keperluan murid dalam menguasai kemahiran literasi mengikut '*acuan sekolah*' masing-masing. Kepentingan literasi bahasa merupakan sebahagian besar daripada keperluan pendidikan, terutamanya untuk membantu perkembangan negara menjadi sebuah negara maju (Jaka Warsihna 2016). Oleh itu, strategi kemahiran membaca perlu dibincangkan

supaya dapat dijadikan panduan guru-guru dan pentadbir untuk meningkatkan kemahiran membaca murid.

Sehubungan dengan itu, pihak kerajaan juga telah melancarkan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (KPM 2013) yang memberikan penekanan kepada penguasaan kemahiran membaca kerana Bahasa Melayu bahasa kebangsaan negara Malaysia. Menguasai Bahasa Melayu dengan baik amatlah penting untuk menambahkan ilmu, kompetensi dan kemahiran seseorang murid. Kemahiran membaca dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Tahun 5 (KPM 2018) dibahagikan kepada tiga kelompok utama untuk meningkatkan penguasaan kemahiran membaca yang baik dalam kalangan murid.

Jika ditelusuri secara mendalam, didapati bahawa guru merupakan salah satu pengaruh murid menguasai kemahiran membaca terutamanya murid bukan penutur jati seperti murid Cina di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC). Hal ini disebabkan murid bukan penutur jati mempunyai kekangan besar apabila belajar Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Antara cabaran yang dihadapi termasuk pengaruh bahasa ibunda, sikap yang kurang meminati Bahasa Melayu dan persekitaran (Jayaganes dan Khairul Azhar 2021). Perkara ini selaras dengan kajian Nora'Azian (2020) yang mendapati bahawa 65.2% responden SJK tidak menguasai kemahiran menulis, manakala 39.6% tidak lancar membaca dalam Bahasa Melayu. Alhaadi dan Norimah (2019) yang menyatakan bahawa penutur bukan jati biasanya dipengaruhi oleh faktor motivasi yang juga dikaitkan dengan minat dan sikap. Isu-isu berkaitan motivasi dalam pembelajaran bahasa kedua mula menjadi polemik dalam para pengkaji pada tahun 1990-an. Berdasarkan DSKP, murid perlu menguasai lima kemahiran Bahasa Melayu, iaitu kemahiran lisan, kemahiran membaca, kemahiran menulis, aspek seni bahasa dan aspek tatabahasa. Oleh itu, guru perlu menggunakan strategi pengajaran kemahiran membaca yang bersesuaian dengan keperluan

murid secara kreatif dan inovatif.

Jika dikaji secara mendalam, guru berperanan penting untuk memastikan murid mempunyai motivasi tinggi untuk menguasai kemahiran Bahasa Melayu, termasuk kemahiran membaca sebagai antara kemahiran Bahasa Melayu yang paling penting dan asas. Kajian Deeneswary dan Nurfaradilla (2021) serta Puveneswari dan Wan Muna Ruzanna (2021) mendapati bahawa murid India sekolah vernakular Tamil memiliki motivasi tinggi ketika belajar Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua kerana murid berasa seronok apabila guru sering memberikan pujian dan galakkan. Justeru, guru berperanan penting sebagai pengaruh murid untuk mewujudkan pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang kondusif. Berdasarkan kajian Fenny Lau et al. (2021), penggunaan pelbagai kaedah dapat membantu murid di SJKC mempunyai motivasi yang tinggi untuk belajar Bahasa Melayu sehingga mendapat keputusan cemerlang dalam Bahasa Melayu. Hal ini menunjukkan bahawa

strategi pengajaran guru dalam PdP akan mempengaruhi tahap pencapaian murid.

Secara kesimpulan, guru perlu merangka strategi pengajaran yang efektif untuk memastikan murid memperoleh keupayaan yang baik dalam literasi membaca dan menulis. Peranan guru Bahasa Melayu SJKC amat penting dalam mempengaruhi motivasi dan minat murid bukan penutur natif terhadap pembelajaran Bahasa Melayu. Penggunaan kaedah pengajaran yang bervariasi serta memberikan galakan kepada murid dapat meningkatkan tahap penerimaan dan kecekapan mereka dalam Bahasa Melayu. Langkah-langkah ini penting untuk memastikan setiap murid mencapai potensi penuh mereka dalam pendidikan dan menyokong pembangunan pendidikan negara yang inklusif dan berkesan. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk meneroka strategi pengajaran yang digunakan oleh guru Bahasa Melayu di SJKC untuk memastikan murid Tahun 5 menguasai kemahiran membaca.

PERNYATAAN MASALAH

Menurut Menteri Pendidikan, Puan Fadhlina Sidek dalam Berita Majoriti (Hamizah 2024), ibu bapa menyatakan bahawa punca isu 280,985 murid sekolah rendah tidak menguasai mata pelajaran Bahasa Melayu ialah guru yang berkualiti rendah. Peranan guru untuk mengatasi cabaran tersebut perlu dipersoalkan supaya usaha berfokus dapat diberikan kepada murid tersebut. Selaras dengan pendapat tersebut, mantan Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk P. Kamalanathan dalam Astrowani (Harits Asraf 2017) berpendapat bahawa isu ini berpunca daripada penerimaan dan pemahaman terhadap strategi pengajaran kemahiran literasi dalam kalangan guru Bahasa Melayu. Kajian Nurul Ashikin et al. (2020) menunjukkan bahawa tahap penguasaan pedagogi kemahiran membaca Bahasa Melayu di daerah Klang hanya berada pada tahap sederhana tinggi. Oleh itu, guru Bahasa Melayu di SJKC daerah Klang telah dipilih sebagai sampel kajian ini.

Kemahiran membaca merupakan salah satu kemahiran literasi kerana boleh diambil kira sebagai kemahiran yang paling penting dan berhubung kait dengan kemahiran lisan dan menulis. Menurut Ira Sariyah Hidayati et al. (2020), membaca merupakan faktor utama penguasaan sesuatu bahasa. Pada tahun 2023, Berita Harian (Faida 2023) telah melaporkan bahawa seramai 175,304 (13%) murid sekolah di Malaysia tidak mahir membaca, manakala 1.01 juta (5.03%) rakyat Malaysia masih tidak mempunyai kemahiran literasi. KPM dalam Laporan Tahunan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (KPM 2022) juga melaporkan bahawa terdapat 392 sekolah yang mempunyai 30% ke atas murid yang masih belum menguasai tahap penguasaan minimum Bahasa

Melayu dalam kalangan murid Tahap 1. Hal ini menunjukkan bahawa penguasaan kemahiran membaca dalam kalangan murid Tahap 1 masih kurang memuaskan. Jika dikaitkan dengan isu tersebut, maka kajian ini bertujuan untuk meneroka strategi pengajaran kemahiran membaca yang digunakan oleh guru Bahasa Melayu SJKC ketika mengajar pada murid Cina.

Menurut KPM (2022), kompetensi guru Bahasa Melayu masih kurang memuaskan. Berdasarkan laporan PPPM, hanya 43.6% guru Bahasa Melayu bukan opsyen mencapai standard kompetensi berbahasa yang ditetapkan, iaitu Tahap 5. Bagi menyokong guru dalam PdP untuk meningkatkan kemahiran literasi dalam kalangan murid tahap 1, banyak bahan bantu mengajar telah dimuat naik ke laman sesawang PLaN (*Plan Literacy and Numeracy*) melalui Digital Educational Learning Initiative Malaysia (DELIMa) KPM untuk kegunaan guru Tahun 2 dan 3 yang bersesuaian dengan aktiviti PdP mengikut tahap penguasaan (TP) murid dengan menggunakan pendekatan terbeza dan mengadaptasi bahan yang telah disediakan. Dari segi pedagogi, didapati bahawa terdapat 2% guru yang tidak menguasai pedagogi terkini. Antaranya termasuklah pendekatan berasaskan teknologi, maklumat dan komunikasi (TMK) dan pembudayaan kemahiran berfikir asas tinggi (KBAT).

Namun begitu, guru Bahasa Melayu di SJKC akan menghadapi cabaran yang lebih besar kerana murid bukan penutur natif mempunyai cabaran yang besar untuk menguasai Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Menurut Noradilah dan Lai (2019), penyertaan murid adalah amat penting bagi menjamin kejayaan sesuatu proses PdP. Murid

yang melibatkan diri secara aktif mampu meningkatkan penguasaan dan pencapaian mereka dalam sesuatu mata pelajaran. Perkara ini juga disokong oleh Slyvester Lau et al. (2020). Berdasarkan kajian Nurhidayah dan Wan Muna Ruzzana (2023), murid SJKC menunjukkan sikap yang negatif dan tidak minat dalam PdP Bahasa Melayu. Mereka bersikap lewat kerana tidak berasa pembelajaran Bahasa Melayu adalah penting. Terdapat beberapa kajian lain yang menunjukkan bahawa minat murid bukan penutur jati terhadap pembelajaran Bahasa Melayu adalah kurang memberangsangkan seperti murid Bajau Ubian

(Steven Frennandes et al. 2022), murid India (Haizah dan Norazana 2022) dan murid Cina (Hasanah dan Rozita 2021). Sehubungan dengan ini, menurut Mohd Saiful dan Nor Azwahanum (2021), guru sendiri juga merupakan faktor yang mempengaruhi pencapaian murid bukan penutur jati kerana murid tersebut tidak menggunakan Bahasa Melayu dan mereka hanya bergantung pada guru yang mengajar di sekolah. Secara tuntasnya, kajian ini bertujuan untuk meneroka strategi dan cabaran pengajaran guru Bahasa Melayu dalam meningkatkan kemahiran membaca murid di SJKC.

KAJIAN LITERATUR BERKAITAN KEMAHIRAN MEMBACA

Terdapat banyak kajian lepas mengenai strategi pengajaran kemahiran membaca Bahasa Inggeris yang didapati dari luar negara. Didapati bahawa guru lebih suka menggunakan strategi berasoal jawab, pengalaman sedia ada, membaca secara mekanis, membuat ramalan, membuat rumusan, menggunakan kamus dan QARs berdasarkan kajian lepas. Mansour et al. (2020) yang berkolaborasi dari negara Malaysia, Thailand dan Iran telah membincangkan strategi membaca dan model dalam PdP Bahasa Inggeris sebagai bahasa asing berdasarkan kaedah literatur. Antara model yang banyak digunakan untuk meningkatkan kemahiran membaca ialah Model *Barret's Taxonomy*, Strategi Membaca Duke dan Perarson's serta dan Strategi Kognitif dan Metakognitif. Selain itu, Nguyen Thi (2022) mendapati bahawa guru Bahasa Inggeris Hau Giang Community College dari Vietnam menggunakan strategi termasuk soalan, ramalan, penceritaan semula dan gambar untuk meningkatkan kemahiran membaca. Tambahan pula, majoriti murid dapat memberikan maklum balas berdasarkan strategi yang digunakan.

Toto Nugroho et al. (2019) menunjukkan bahawa guru sekolah menengah di Eastern Pemalang, Indonesia sentiasa menghubungkaitkan pengalaman sedia ada dengan topik teks pada peringkat sebelum membaca. Mereka juga akan menerangkan objektif dan sebab membaca sesuatu teks untuk menimbulkan sikap ingin tahu pelajar. Penggunaan kamus juga dijadikan strategi yang popular dalam kalangan guru. Namun begitu, hanya beberapa orang guru yang menggunakan rumusan dan bahan bantu visual. Dapatan kajian Ira Sariyah Hidayati et al. (2020) dari negara Indonesia menunjukkan bahawa guru Bahasa Inggeris sekolah menengah SMA 8 Mataram menggunakan beberapa strategi pada peringkat sebelum membaca, semasa membaca dan selepas membaca. Pada peringkat sebelum membaca, guru meminta murid menghubung-kaitkan pengalaman sedia ada dengan teks yang terpilih, iaitu teks yang berkaitan dengan murid. Oleh itu, murid akan berasa ingin tahu dan bermotivasi untuk membaca teks tersebut. Pada

peringkat semasa membaca, guru meminta murid membaca lalu berosal jawab dengan murid seperti meminta murid memerhati ilustrasi dan tajuk serta menjawab soalan yang diberikan. Pada peringkat selepas membaca, guru dan murid akan membuat ramalan dan rumusan. Dapatan tersebut selaras dengan dapatan kajian Yesicha Audina et al. (2020) yang mendapati bahawa guru bahasa Inggeris di sekolah menengah Medan lebih banyak menggunakan strategi DRA (*directed reading activity*) yang bertujuan untuk membolehkan murid menghubungkaitkan pengalaman sedia ada untuk membentuk latar belakang teks, membaca secara bertujuan, berbincang dan mengukuhkan pemahaman selepas membaca.

Gendis Nadira Dwiningtiyas et al. (2020) mendapati bahawa guru Bahasa Inggeris di sekolah menengah bawah nombor 9 Bengkulu lebih menggunakan strategi membaca secara mekanis, sumbang saran, kamus, pembacaan semula, ramalan dan berosal jawab dalam ketiga-tiga peringkat membaca. Antaranya, membaca secara mekanis adalah paling berkesan. Maharani Dyah dan Budiasih (2021) mendapati bahawa guru di SMP 2 Manyaran, Central Java lebih suka menggunakan strategi mengidentifikasi tujuan, *skimming and scanning*, analisis kosa kata dan menggunakan strategi L-R-D (*Listen-Read-Discuss*) berdasarkan teori Brown dengan menggunakan kaedah kualitatif.

Yulis Ade Saputri et al. (2021) mendapati bahawa guru di SMAN 10 Kota Bengkulu lebih suka menggunakan strategi kaedah sokongan (*scaffolding*) dan QARs (*Question Answers Relationship*) berdasarkan Teori Vacca dan Vacca dengan menggunakan kaedah kualitatif. Berbeza dengan hasil dapatan tersebut, Fitri Nurdianingsih (2021) pula mendapati bahawa guru bahasa Inggeris sekolah menengah atas di Bojonegoro, Jawa Timur cenderung menggunakan strategi pemahaman teks, pembelajaran berpusatkan murid, perbincangan dan QARs. Selaras dengan pendapat di atas, Tarnia Junita dan Elfrida (2023) mendapati bahawa guru Bahasa Inggeris sekolah menengah

atas di Bengkulu melalui kaedah kuantitatif menggunakan strategi berdasarkan teori Vacca dan Vacca (1999) seperti berikut:

1. Kaedah sokongan (*scaffolding*): memberikan sokongan kepada murid pada peringkat membaca awal.
2. *Think-aloud*: murid menyampaikan pemikiran mereka melalui lisan semasa membaca teks secara lisan.
3. Strategi resiprokal pengajaran: merangkumi proses ramalan, penjelasan, soalan dan rumusan.
4. SQ3R: merangkumi kaji, soal jawab, membaca, mengaji dan ulasan.
5. Hubungan Soalan-Jawapan (QARs): memahami dan menganalisis soalan untuk mendapat informasi.
6. Strategi SQ3R paling banyak digunakan dalam kalangan guru tersebut.

Bagi meningkatkan motivasi pelajar, Rio Laksamana dan Ashadi (2020) mendapati bahawa guru Bahasa Inggeris di universiti yang terletak di Yogyakarta, Indonesia menggunakan strategi seperti kerja kursus membaca dan sistem skor secara terus untuk meningkatkan motivasi pelajar dalam kemahiran membaca Bahasa Inggeris. Mereka juga akan memilih bahan bacaan yang sesuai dengan tahap pelajar. Bagi meningkatkan kemahiran membaca dalam kalangan murid yang lemah, Ermias dan Taye Regassa (2022) meneroka strategi pengajaran kemahiran membaca guru sekolah menengah di Ethiopia, Afrika Timur melalui kaedah kualitatif dan kuantitatif. Dapatkan kajian mereka menunjukkan bahawa guru tidak mementingkan peringkat selepas membaca. Pada peringkat sebelum membaca, hanya seorang guru daripada empat guru ada menggunakan strategi pengajaran pada peringkat sebelum membaca. Namun begitu, keempat-empat guru menggunakan strategi pengajaran pada peringkat semasa membaca. Guru lebih suka menggunakan soal jawab, membaca secara mekanis, penterjemahan Bahasa Inggeris ke bahasa ibunda dan pertandingan.

Kajian strategi pengajaran kemahiran membaca guru Bahasa Melayu di SJKC kurang

dijalankan. Oleh itu, kajian yang berkaitan dengan strategi pengajaran kemahiran membaca telah dirujuk. Wan Nurzuliana (2019) mengkaji tentang amalan guru Bahasa Melayu dari SK, SJKC dan SJKT untuk membantu murid yang terlibat dalam program LINUS. Didapati bahawa guru masih ada kekurangan yang perlu dibaiki dari segi kemahiran dan pengetahuan kerana hanya menggunakan pendekatan secara langsung dan pendekatan berpusatkan guru. Norlela dan Shamsudin (2020) berbincangkan penggunaan kaedah didik hibur dalam pengajaran kemahiran membaca guru Bahasa Melayu sekolah rendah. Didapati bahawa guru cenderung menggunakan pendekatan konvensional dan kurang memahami teknik mengaplikasikan dorongan minda mengikuti pelbagai aras keupayaan murid. Intan Nur Syuhada dan Zamri (2021) pula mengkaji tentang strategi pengajaran dalam talian yang digunakan oleh guru Bahasa Melayu dalam meningkatkan kemahiran membaca murid sekolah rendah. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa guru Bahasa Melayu kerap mengaplikasikan strategi berpusatkan bahan dan aktiviti membaca ketika mengajar secara dalam talian.

Jurang kajian yang didapati meliputi beberapa aspek utama dalam penyelidikan mengenai strategi pengajaran kemahiran membaca. Kebanyakan sampel kajian terdiri daripada guru sekolah menengah namun sampel kajian guru sekolah rendah kurang ditekankan. Dari segi bahasa, kebanyakan kajian lebih tertumpu kepada strategi pengajaran kemahiran membaca dalam Bahasa Inggeris atau kajian yang lebih umum tentang kemahiran literasi. Oleh itu, terdapat keperluan untuk menambah penyelidikan yang menekankan strategi pengajaran kemahiran membaca dalam konteks pembelajaran Bahasa Melayu. Maka terdapat jurang yang signifikan dalam penyelidikan untuk memahami strategi kemahiran membaca dalam kalangan guru SJKC dengan lebih baik. Diharapkan kajian ini dapat mengisi kelompongkan kajian dan meningkatkan kualiti pengajaran Bahasa Melayu serta menjadi panduan pelbagai pihak SJKC.

TUJUAN DAN OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk meninjau strategi dan cabaran pengajaran kemahiran membaca guru Bahasa Melayu di SJKC. Berdasarkan tujuan kajian ini, kajian ini dapat mencapai objektif kajian seperti yang berikut:

1. Meneroka strategi yang digunakan oleh guru

- Bahasa Melayu SJKC dalam pengajaran kemahiran membaca.
2. Meneroka cabaran yang dihadapi oleh guru Bahasa Melayu SJKC semasa menggunakan strategi tertentu dalam pengajaran kemahiran membaca.

KAEADAH KAJIAN

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Reka bentuk kualitatif sesuai digunakan dengan kajian yang bersifat penerokaan. Dengan terperinci, pengkaji ingin meninjau strategi dan cabaran pengajaran guru Bahasa Melayu di SJKC dengan

lebih mendalam. Hal ini selaras dengan pendapat Kamarul Azmi (2012) yang menyatakan bahawa pengkaji kualitatif dapat menyelami semua situasi dengan mudah kerana berada di situasi yang sebenar.

Pensampelan Kajian

Menurut Creswell (2012), kaedah persampelan bertujuan digunakan supaya peserta kajian yang dipilih mempunyai ciri-ciri tertentu yang telah ditetapkan. Dari segi pemilihan jumlah responden, jumlah responden yang besar menyukarkan pengkaji kerana data yang dilaporkan mungkin tidak cukup mendalam dan pandangan hanya dapat dihasilkan sepantas lalu. Oleh itu, peserta kajian kajian yang terlibat ialah empat orang guru Melayu yang mengajar Bahasa Melayu di SJKC. Peserta kajian tersebut dirujuk sebagai Guru Bahasa Melayu 1-GBM1, GBM2, GBM3 dan GBM4. Guru

Bahasa Melayu tersebut mengajar di empat buah SJKC di daerah Klang, Selangor. Sampel ini dipilih kerana kajian Nurul Ashikin et al. (2020) menunjukkan bahawa tahap penguasaan pedagogi kemahiran membaca Bahasa Melayu guru Bahasa Melayu di daerah Klang berada pada tahap sederhana tinggi. Lokasi ini dipilih kerana faktor kesamaan latar belakang, budaya dan SJKC luar bandar. Oleh itu, guru Bahasa Melayu di SJKC daerah Klang yang mengajar murid Tahap 1 telah dipilih sebagai sampel kajian ini.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian merupakan cara digunakan untuk mengumpul data. Pengkaji menggunakan kaedah temu bual secara separa struktur yang bersifat fleksibel sebagai instrumen utama kajian ini. Kaedah temu bual digunakan untuk mengumpul data daripada peserta kajian dalam bentuk lisan. Informasi yang diperolehi membolehkan pengkaji menghuraikan maklumat yang difikirkan sesuai. Temu bual dilaksanakan secara bersemuka. Soalan temu bual dibina dahulu sebelum protokol temu bual dilaksanakan. Soalan yang dibina dibahagikan

kepada tiga konstruk iaitu Konstruk A berkaitan dengan demografi peserta kajian, iaitu jantina, umur tahap pendidikan dan pengalaman mengajar. Konstruk B berkaitan dengan peranan dialek dalam PdP Bahasa Melayu seperti soalan berikut:

1. Apakah strategi pengajaran kemahiran membaca yang digunakan oleh guru Bahasa Melayu di SJKC?
2. Apakah kesan yang dihadapi oleh guru Bahasa Melayu semasa menggunakan strategi tersebut?

Analisis Data

Data dianalisis berdasarkan objektif kajian yang telah ditetapkan. Dalam kajian ini, transkripsi temu bual didengar semula melalui rakaman temu bual yang dijalankan secara bersemuka. Proses transkripsi data temu bual dimulakan dengan memasukkan data temu ke dalam perisian Microsoft Word. Selepas itu, data temu bual akan

dianalisis dan dikategorikan kepada tema dan subtema yang dikenal pasti melalui transkripsi tersebut. Setelah proses pengkategorian selesai, hasil dapatan kajian akan disusun mengikut tema dan subtema yang relevan sebelum aktiviti pelaporan hasil kajian dijalankan.

DAPATAN KAJIAN

Demografi Peserta Kajian

Jadual 1 menunjukkan bahawa peserta kajian terdiri daripada dua orang guru Bahasa Melayu yang berlainan jantina dan merangkumi seorang guru lelaki dan seorang guru perempuan. Setiap peserta kajian dilabelkan dengan kod yang berbeza, iaitu Guru Bahasa Melayu 1 (GBM1) dan Guru Bahasa Melayu 2 (GBM2), Guru Bahasa Melayu 3 (GBM3)

dan Guru Bahasa Melayu 4 (GBM4). GBM1 ialah seorang guru lelaki yang berumur 45 tahun dan mempunyai pengalaman mengajar Bahasa Melayu di sekolah tersebut selama 12 tahun. GBM2 ialah seorang guru perempuan yang berumur 43 tahun dan mempunyai pengalaman mengajar Bahasa Melayu di sekolah tersebut selama 10 tahun.

GBM3 ialah seorang guru perempuan yang berumur 32 tahun dan mempunyai pengalaman mengajar Bahasa Melayu di sekolah tersebut selama 8 tahun, manakala GBM4 merupakan guru yang baru keluar dari IPG dan mempunyai pengalaman mengajar Bahasa Melayu di sekolah tersebut selama 3 tahun. Subjek Bahasa Melayu

merupakan subjek utama yang diajar di sekolah sejak awal perkhidmatan beliau sebagai seorang guru. Keempat-empat GBM ini selalu menggunakan pelbagai strategi pengajaran kemahiran membaca dalam PdP Bahasa Melayu murid Tahap 1.

JADUAL 1: Demografi peserta kajian

| Konstruk | GBM 1 | GBM 2 | GBM 3 | GBM 4 |
|---------------------|---------------------|---------------------|---------------------|---------------------|
| Jantina | Lelaki | Perempuan | Perempuan | Perempuan |
| Umur | 45 | 43 | 32 | 27 |
| Tahap Pendidikan | Ijazah Sarjana Muda | Ijazah Sarjana Muda | Ijazah Sarjana Muda | Ijazah Sarjana Muda |
| Pengalaman Mengajar | 12 tahun | 10 tahun | 8 tahun | 3 tahun |

Strategi Pengajaran Kemahiran Membaca

Bagi objektif kajian pertama, iaitu *Meneroka strategi yang digunakan oleh guru Bahasa Melayu SJKC dalam pengajaran kemahiran membaca*, analisis temu bual yang dijalankan mendapati bahawa GBM menggunakan tujuh strategi mengajar kemahiran membaca. Daripada tujuh strategi mengajar kemahiran membaca tersebut,

strategi mengajar kemahiran membaca no. 1, 4 dan 6 digunakan oleh keempat-empat GBM tersebut. Sebaliknya, strategi kemahiran membaca no. 2, 3, 5 dan 7 ada digunakan, tetapi kurang diamalkan oleh keempat-empat GBM tersebut. Secara khusus, penggunaan strategi mengajar kemahiran membaca boleh dirujuk pada Jadual 2.

JADUAL 2: Strategi pengajaran kemahiran membaca yang digunakan oleh GBM di SJKC

| Strategi Pengajaran Kemahiran Membaca | Guru Bahasa Melayu | | | |
|--|--------------------|------|------|------|
| | GBM1 | GBM2 | GBM3 | GBM4 |
| 1. Strategi mengenal pasti tujuan membaca | / | / | / | / |
| 2. Strategi menggunakan kaedah dan corak grafem | - | / | - | / |
| 3. Strategi mengimbas teks dengan pintas untuk mencari ide utama (<i>skimming</i>) | / | - | / | - |
| 4. Strategi mengimbas teks untuk maklumat yang spesifik (<i>scanning</i>) | / | / | / | / |
| 5. Strategi menggunakan peta semantik atau kelompok | - | / | - | - |
| 6. Strategi menganalisis kosa kata | / | / | / | / |
| 7. Strategi memanfaatkan penanda wacana untuk memproses hubungan | - | - | - | / |

Strategi Mengenal Pasti Tujuan Membaca

Keempat-empat GBM telah menggunakan kaedah masing-masing untuk membolehkan murid Cina mengenal pasti tujuan membaca dengan berkesan. Antara cara yang digunakan ialah menghubungkaitkan pengalaman murid dengan isi kandungan teks tersebut atau mewujudkan satu situasi yang memudahkan pemahaman murid. GBM1 dan GBM2 lebih suka menggunakan bahan bantu maujud semasa mengajar kemahiran membaca.

- Dengan menggunakan bahan maujud, murid ni lagi faham apa yang saya cakap kerana mereka dapat lihat dan sentuh benda tersebut. Contohnya, murid jarang nampak buah delima dalam kehidupan sebenar. Kalau mereka nampak, mereka tahu lah.(GBM1)

GBM1 menyatakan bahawa murid lebih seronok apabila dapat melihat dan menyentuh bahan tersebut. Perkara ini dapat meningkatkan pengalaman murid Cina dengan membolehkan mereka berinteraksi secara langsung dengan bahan pembelajaran. GBM2 bersetuju bahawa pengetahuan sedia ada adalah penting dalam kalangan murid.

- Pengetahuan sedia ada tu amat penting untuk menarik minat murid. Contohnya, saya akan membawa buah-buahan, baju atau bahan lain yang boleh dijumpai dalam kehidupan sebenar.(GBM2)

Selain itu, GBM1 dan GBM2 juga menggunakan kaedah soal jawab dalam mengaplikasi strategi pengajaran kemahiran membaca ini seperti ditemui dalam transkrip temu bual berikut:

- Soal jawab pun sentiasa digunakan. (GBM1)
- Saya selalu guna soal jawab. Soalan tu terus merujuk ke tajuk teks.(GBM2)

GBM3 dan GBM4 pula berpendapat bahawa aktiviti lakonan, penggunaan video, soal jawab atau permainan yang dapat menerangkan topik teks tersebut secara mudah dapat menimbulkan sikap ingin tahu dalam kalangan murid Cina.

- Teks bacaan murid Tahap 1 biasanya berkaitan dengan nilai murni. Saya suka menayang video sebagai set induksi. Jika ada topik yang sesuai, saya akan melaksanakan aktiviti lakonan yang berkaitan dengan teks tersebut. Skrip lakonan tu haruslah mudah dan senang difahami oleh murid. (GBM3)
- Saya melaksanakan aktiviti permainan yang melibatkan soal jawab semasa mengajar kemahiran membaca. Murid akan rasa seronok dan ingin mencari jawapan kerana tidak mahu tewas dalam permainan tersebut. Biasanya, soalan itu berkaitan dengan pokok idea teks supaya murid menimbulkan sikap ingin tahu terhadap teks tersebut. (GBM4)

Strategi Mengimbas Teks untuk Maklumat yang Spesifik (Scanning)

Keempat-empat GBM tersebut menggunakan strategi ini apabila murid-murid Cina perlu menjawab latihan pemahaman. Keempat-empat GBM tersebut mengajar murid untuk mencari maklumat yang spesifik dalam teks dengan cepat tanpa perlu membaca keseluruhan teks. Cara pengajaran mereka juga lebih kurang sama, iaitu meminta murid menggariskan kata kunci dalam soalan lalu mencari kata kunci tersebut dalam teks. Jika kata kunci tersebut tidak dijumpai, murid perlu mencari sinonim untuk mencari jawapan soalan tersebut. Biasanya, lembaran kerja latihan pemahaman diedarkan atau guru akan menggunakan soal jawab. Hal ini membantu murid untuk mendapatkan jawapan dengan lebih efisien dan efektif, meningkatkan kemahiran pemahaman mereka dalam membaca. Transkrip temu bual

berikut membuktikan bahawa keempat-empat GBM menggunakan strategi menimbas teks untuk memgetahui maklumat yang lebih spesifik ketika mengajar Bahasa Melayu untuk murid-murid bukan penutur natif ini.

- Latihan pemahaman mesti nak guna scanning...cari kata kunci,biasanya belakang kata tanya...cari jawapan ikut kata kunci...cari sinonim...(GBM1)
- Kata kunci tu penting...gariskan jawapan mengikuti kata kunci...(GBM2)
- Murid perlu menguasai kemahiran mencari kata kunci sebelum menjawab soalan. Kata kunci tu di belakang kata tanya...gariskan jawapan ikut kata kunci...cari sinonim jika tak dapat...(GBM3)
- Kata kunci tu perlu dicari. Biasanya teks murid Tahap 1 mudah cari kata kunci je, kalau tak dapat kena cari sinonim.betul, semua jawapan perlu digariskan. (GBM4)

Strategi Menganalisis Kosa Kata

Keempat-empat GBM bersetuju bahawa analisis kosa kata merupakan salah satu strategi yang penting dalam pengajaran kemahiran membaca, terutamanya bagi murid bukan penutur natif kerana mereka sering menghadapi cabaran dalam memahami makna perkataan-perkataan yang tidak dikenali. Antara kaedah yang digunakan termasuk penterjemahan, penggunaan kamus dan *Google Translate*. Hal ini selaras dengan dapatan kajian Wilda Fitri et al. (2022) yang mendapati bahawa cabaran terbesar yang dihadapi oleh murid-murid Cina ialah rujukan perkataan iaitu sebanyak 79%.

- Kebanyakan murid tu kaum Cina...jadi kalau ada perkataan yang tidak dikenali, kena terjemahkan. (GBM1)
- Saya suka guna kamus semasa mengajar kosa kata. Dekat perpustakaan ada banyak kamus, minta

murid kongsi je. (GBM2)

- Saya guna penterjemahan terus je. Nanti murid tak tahu maksud, mereka susah untuk memahami isi kandungan teks kerana mereka bukan penutur natif, banyak perkataan tu tak tahu.(GBM3)
- Google Translate tu paling mudah bagi saya. Sekurang-kurangnya nak bagi murid tahu cara mencari maksud perkataan di rumah, nanti mereka boleh explore sendiri di rumah. (GBM4)

Selain tiga strategi pengajaran kemahiran membaca yang digunakan oleh keempat-empat GBM ini, terdapat dua strategi mengajar kemahiran membaca yang ada digunakan oleh GBM untuk membantu murid-murid bukan penutur natif di SJKC menguasai Bahasa Melayu dengan baik. Strategi mengajar tersebut ialah strategi no. 2 dan 3.

Strategi Menggunakan Kaedah dan Corak Grafem

Grafem ialah fonem atau bunyi yang boleh membezakan perkataan yang dituturkan. Misalnya, dalam tatabahasa Bahasa Melayu, terdapat beberapa grafem yang banyak menimbulkan

kekeliruan kepada murid bukan penutur natif seperti murid etnik Cina, India, Iban, Kadazan dan lain-lain etnik di Malaysia. Antara grafem tersebut ialah /e/ deng /Ө/ (e taling dan e pepet), /kh/, /nya/,

dan lain-lain. Dalam temu bual dijalankan, didapati GBM2 dan GBM4 ada menggunakan strategi grafem ini. GBM2 dan GBM4 menggunakan strategi menggunakan kaedah dan corak grafem semasa mengajar kemahiran membaca dalam kalangan murid. Salah satu persamaan antara mereka ialah GBM2 dan GBM4 mengajar murid Tahun 1 di sekolah masing-masing. Menurut GBM2 dan GBM4, strategi ini hanya digunakan bagi murid Tahun 1.

Selepas murid menguasai bunyi-bunyi tersebut, GBM2 dan GBM4 jarang menggunakan strategi ini lagi bagi murid Tahun 2 dan 3. Langkah yang diambil oleh GBM2 dan GBM4 menekankan kepentingan pengenalan bunyi vokal dan konsonan sebagai asas pembelajaran membaca. GBM2 berfokus kepada pengajaran bunyi vokal dan konsonan serta pembentukan suku kata untuk memudahkan proses pembelajaran. Menurut GBM2, murid Tahun 1 memerlukan banyak bimbingan berbanding dengan murid Tahun 2 dan 3. Proses membaca secara mekanis juga ditekankan dalam murid Tahap 1. Hal ini dapat dirujuk pada transkrip temu bual berikut:

- Murid Tahun 1 amat lemah apabila perlu membatangkan suku kata. Saya selalu mengajar bunyi vokal dan konsonan seperti /ba/, /be/, /bi/, /bo/, /bu/ supaya mereka lebih senang ingat suku

kata tu. Bagi murid Tahun 2 dan 3, proses membaca secara mekanis masih dijalankan namun pembatangan suku kata tu tidak ditekankan. (GBM2)

GBM4 pula berpendapat bahawa pembatangan suku kata merupakan asas kemahiran membaca Bahasa Melayu, terutamanya bagi murid bukan penutur natif kerana mereka tidak biasa dengan bahasa tersebut. Oleh itu, GBM4 memberi penekanan yang tinggi pada pembentukan suku kata dalam pengajaran Bahasa Melayu kepada murid-muridnya.

- Sistem ejaan Bahasa Melayu seperti bunyi /kh/, /ngan/, /nya/ itu jarang dijumpai dalam sistem ejaan bahasa Cina. Saya suka mengajar bunyi vokal dan konsonan dahulu supaya murid dapat membina asas membaca yang kukuh. (GBM4)

GBM2 meminta murid mengenali cara pembentukan suku kata dengan menggunakan kaedah ejaan supaya mereka lebih bermotivasi semasa mengenali sesuatu perkataan.

- Pengenalan corak grafem tu termasuklah ejaan dan suku kata. Murid perlu tahu pembentukan suku kata dahulu. Pada masa yang sama, ejaan juga diberikan kepada murid supaya dapat memastikan mereka memang membaca perkataan tersebut. (GBM2)

Strategi Mengimbas Teks dengan Pintas untuk Mencari Idea Utama (Skimming)

Strategi yang digunakan oleh GBM1 dan GBM3 menunjukkan penekanan pada kemahiran merumuskan, iaitu salah satu aspek penting dalam pembelajaran Bahasa Melayu. GBM1 suka menggunakan strategi ini kerana dapat melihat gambaran secara keseluruhan. Antara contoh aktiviti termasuklah mencari tajuk, membaca ayat pertama dan ayat terakhir serta membuat rumusan.

- Strategi ini dapat melihat gambaran secara menyeluruh. Murid akan mencari tajuk, membaca

ayat pertama dan ayat terakhir. Strategi ini bukan hanya diguna sekali sahaja sebab saya juga guna pada akhir PdP supaya murid dapat buat rumusan. (GBM1)

GBM3 juga menggunakan strategi ini dengan menerangkan tajuk dan rumusan teks ini pada akhir PdP Bahasa Melayu.

- Kalau buat rumusan ada lah...pada akhir kelas...rumusan yang mudah, rujuk tajuk je. (GBM3)

Cabarannya Pengajaran Kemahiran Membaca

Bagi objektif kedua, iaitu *Meneroka cabaran yang dihadapi oleh guru Bahasa Melayu SJKC semasa mengguna strategi tertentu dalam pengajaran kemahiran membaca*, terdapat beberapa cabaran yang dihadapi oleh keempat-empat GBM tersebut semasa mengajar kemahiran membaca dalam

kalangan murid Tahap 1 SJKC. Melalui analisis temu bual dengan keempat-empat GBM ini, ditemui banyak cabaran yang dihadapi oleh GBM SJKC dalam mengajar kemahiran membaca. Hal ini boleh dirujuk pada Jadual 3.

JADUAL 3: Cabaran pengajaran kemahiran membaca yang dihadapi oleh GBM di SJKC

| Cabarannya Pengajaran Kemahiran Membaca | Guru Bahasa Melayu | | | |
|--|---------------------------|-------------|-------------|-------------|
| | GBM1 | GBM2 | GBM3 | GBM4 |
| 1. Cabaran kesuntukan masa untuk mengajar kemahiran membaca | / | / | / | / |
| 2. Cabaran minat murid Cina yang rendah menyebabkan murid berasa bosan belajar membaca | / | / | / | / |
| 3. Cabaran motivasi murid Cina yang rendah | / | - | - | - |
| 4. Cabaran pemikiran kritis murid Cina yang kurang memberangsangkan | / | - | / | - |
| 5. Cabaran murid Cina yang tidak memahami konsep asas membaca | - | / | - | / |

6. Cabaran pedagogi dan sikap guru Bahasa Melayu SJKC
 7. Cabaran kekurangan sokongan daripada pelbagai pihak
 8. Cabaran peranan ibu bapa yang kurang diberi perhatian

| | | | |
|---|---|---|---|
| / | - | / | / |
| - | / | / | / |
| - | - | - | / |

Cabaran Kesuntukan Masa untuk Mengajar Kemahiran Membaca

Dari segi cabaran, didapati bahawa GBM3 dan GBM4 tersebut berpendapat bahawa masa yang diberikan tidak mencukupi. GBM3 juga menerangkan bahawa aktiviti lakonan mengambil masa yang lama dan beliau terpaksa menggunakan dua hari untuk mengajar topik tersebut.

- Bagi tayangan video, kita boleh menetapkan masa lagi namun aktiviti lakonan tu mengambil masa yang lama kerana kadang kala saya perlu membimbing murid. Perbuatan tu ambil masa. Jika tidak cukup masa, saya akan ajar topik tersebut dalam dua hari. (GBM3)

GBM4 berpendapat bahawa pengambilan masa aktiviti permainan perlu singkat dan tidak dapat melibatkan semua murid kerana tidak cukup masa. Pendapat GBM4 menekankan keperluan untuk menyusun aktiviti permainan agar sesuai dengan masa yang terhad.

- ...haruslah singkat. Bagi permainan, saya tidak boleh melibatkan semua murid kerana nanti tidak cukup masa. (GBM4)

Terdapat beberapa cabaran yang dihadapi oleh GBM yang mengajar teknik mengimbas teks untuk maklumat yang spesifik (strategi 4). GBM1 menyatakan bahawa strategi ini merupakan strategi yang paling penting antara semua strategi kerana murid perlu menguasai kemahiran untuk menjawab soalan peperiksaan. Namun begitu, GBM1 menghadapi masalah kesuntukan masa apabila

mengajar teknik tersebut.

- Masa tidak cukup untuk mengajar strategi ini jika saya berfokuskan strategi lain. Kadang kala, saya terpaksa fokus strategi ni je untuk menyediakan murid mengambil peperiksaan. (GBM1)

GBM2 juga bersetuju bahawa masa yang terhad menjadi satu cabaran dalam pengajaran. Cabaran lain yang dikemukakan adalah terdapat beberapa murid yang tidak memahami konsep scanning mencari jawapan dengan menggunakan kata kunci sahaja tanpa melihat maksud ayat itu.

- Masa memang tak cukup. Cabaran lain ialah ada murid yang cari kata kunci je tanpa melihat maksud ayat tu. Mereka tidak memahami konsep scanning. (GBM2)

GBM2 juga berpendapat bahawa beliau kesuntukan masa untuk menekankan penggunaan strategi mengimbas teks untuk maklumat yang spesifik (strategi 4) walaupun beliau mengetahui bahawa strategi ini adalah penting untuk murid. Oleh itu, beliau memilih untuk mengajar kemahiran lain yang dianggap lebih penting.

- Saya tahu strategi ini penting. Nanti mereka masuk sekolah menengah pun kena belajar. Masalahnya, saya tak cukup masa untuk mengajar strategi ini jadi hanya boleh "touch and go" sahaja. Ada lagi kemahiran lain seperti kata hubung, kata sendi nama, penjodoh bilangan dan sebagainya yang lebih penting daripada ini untuk dikuasai oleh murid. (GBM2)

Cabaran Minat Murid yang Rendah menyebabkan Murid Berasa Bosan Belajar Membaca

Berbeza dengan GBM3 dan GBM4, GBM1 dan GBM2 menyatakan bahawa masa yang diberikan adalah mencukupi namun murid mudah berasa bosan jika tidak ada aktiviti yang menarik.

- Masa tu cukup. Walaupun soal jawab menambah pemahaman murid, cara ini bosan bagi sesetengah murid kerana mereka tidak mahu melibatkan diri dalam soal jawab tersebut. (GBM1)
- Cukup. Bukan semua murid yang memberikan respons, ada yang tidak minat dan berasa bosan. (GBM2)

Pendapat GBM1 dan GBM2 menekankan bahawa masa yang diberikan adalah mencukupi untuk menjalankan aktiviti pengajaran. Walau bagaimanapun, mereka juga menggariskan bahawa pentingnya untuk menyediakan aktiviti yang menarik bagi meningkatkan minat murid. GBM4 pula berpendapat bahawa murid mudah rasa bosan jika guru tidak menggunakan pendekatan yang

menarik dalam strategi mengimbas teks untuk maklumat yang spesifik (strategi 4).

- Murid mudah rasa bosan apabila menggunakan strategi ni, sebab tak de cara lain. Kalau saya guna permainan tiap-tiap kali pun tak logik, murid masih perlu tulis dan baca. Jadi kena sentiasa buat lawak atau penerangan lanjut seperti menunjukkan gambar supaya murid dapat menumpukan perhatian. Kalau tayang gambar di televisyen lagi senang. (GBM4)

GBM2 juga berpendapat bahawa strategi membaca secara mentalis kurang sesuai kerana kadangkala murid tidak berfokus semasa membaca secara mentalis.

- Bukan saya tak guna tu, tapi saya tak tahu murid tu betul-betul baca ke tak. Kadang kala mereka mimpi dalam kelas. (GBM2)

GBM2 juga berpendapat bahawa strategi membaca secara mentalis kurang sesuai kerana

kadangkala murid tidak berfokus semasa membaca secara mentalis.

- Bukan saya tak guna tu, tapi saya tak tahu murid tu betul-betul baca ke tak. Kadang kala mereka mimpi dalam kelas. (GBM2)

Cabaran Motivasi Murid Cina yang Rendah

Antara cabaran yang dihadapi oleh guru semasa mempraktikkan strategi analisis kosa kata (strategi 6) ialah daya motivasi murid yang rendah untuk mengenali perkataan baharu. GBM1 menggariskan pentingnya daya motivasi dalam pembelajaran perkataan baharu. Beliau mencatatkan bahawa

terdapat murid yang enggan mencari makna perkataan baru kerana rasa sukar dan bosan.

- Daya motivasi murid belajar perkataan baharu tu penting. Ada murid yang tidak mahu mencari maksud perkataan walaupun disuruh untuk buat di rumah. Mereka rasa susah dan bosan. (GBM1)

Cabaran Pemikiran Kritis Murid Cina yang Kurang Memberangsangkan

GBM1 berpendapat bahawa murid kaum Cina Tahap 1 masih perlu dibimbang kerana mereka masih tidak mempunyai daya pemikiran yang matang untuk memahami dan menguasai kemahiran membaca dengan baik. Hal ini diperkatakan oleh GBM1 ketika ditemu bual.

- Murid Tahap 1 ni masih perlu dibimbang. Kalau tidak, mereka juga tidak dapat memberikan rumusan, sebab mereka tak matang lagi. Saya bukan nak mereka baca tajuk sahaja tetapi nak mereka dapat menerangkan pokok idea dengan lebih teliti. (GBM1)

GBM3 menyokong pendapat tersebut menyatakan bahawa murid kaum Cina Tahun 2 dan 3 tidak menghadapi masalah apabila mempraktikkan strategi ini. Hal ini disebabkan

GBM3 hanya meminta murid membina rumusan yang mudah.

- Saya ajar murid Tahun 2 dan 3. Setakat ni, tak de masalah dikesan kerana mereka sudah dapat membaca. Saya pun galakkan mereka membuat rumusan yang mudah je. Biasanya tajuk teks tu dah cukup. (GBM3)

Perbezaan dalam pendekatan objektif antara GBM1 dan GBM3 menonjolkan perbezaan dalam penekanan mereka terhadap proses pembelajaran. GBM1 cenderung untuk menekankan pemahaman keseluruhan dan pengintegrasian maklumat, sementara GBM3 memberi tumpuan kepada hasil yang lebih praktikal dengan mendorong murid membuat rumusan yang mudah.

Cabaran Murid Cina yang Tidak Memahami Konsep Asas Membaca

Menurut GBM2, cabaran yang dihadapi adalah lebih kurang sama, iaitu beliau berpendapat bahawa murid yang lemah perlu sentiasa mendapat bimbingan kerana mereka tidak dapat menguasai kemahiran asas membaca.

- Sama je, kalau murid tu lemah membaca, macam mana nak buat peta? Dia sendiri pun tak faham isi teks tu, jadi susah la. (GBM2)

GBM4 pula berpendapat bahawa membaca secara mentalis memerlukan kemahiran kognitif

yang lebih tinggi kerana murid-murid kaum Cina perlu memahami dan menginterpretasi teks dengan pantas. Namun begitu, murid kaum Cina Tahap 1 terutamanya murid Tahun 1 dan 2 belum menguasai kemahiran asas membaca Bahasa Melayu tersebut.

- Bagi murid Tahap 1 terutamanya Tahun 1 dan 2 masih belum menguasai kemahiran itu. Mereka perlu memahami teks, menginterpretasi teks dengan pantas, tapi mereka baca pun lambat, nak faham kosa kata pun susah. (GBM4)

Cabaran Pedagogi dan Sikap Guru Bahasa Melayu SJKC

Didapati bahawa GBM berpendapat bahawa sumber makna harfiah dan tersirat susah diajar. Biasanya, mereka hanya mengajar makna harfiah dan tersirat melalui peribahasa dan puisi. Hal ini disebabkan murid-murid kaum Cina sukar memahami hubungan makna harfiah dan tersirat. Perkara ini ditemui kepada GBM1, GBM3 dan GBM4 ketika ditemu bual.

- Saya jarang mengajar makna harfiah dan tersirat. Kalau ada, saya pun ajar peribahasa dan puisi je. (GBM3)
- Tak guna. Soalan yang terlalu kompleks mereka

susah nak faham. (GBM4)

GBM1 dan GBM4 berpendapat bahawa peribahasa kurang ditekankan kerana murid-murid kaum Cina masih perlu menguasai kemahiran tatabahasa lain yang lebih penting berbanding dengan peribahasa. Strategi ini dianggap penting dalam Tahap 2 kerana peribahasa boleh digunakan dalam penulisan nanti.

- Murid ada belajar, tapi bagi saya, mereka bina ayat pun jadi masalah. Saya tak wajibkan mereka hafal peribahasa itu kerana saya tahu guru Tahap 2 akan

- meminta mereka hafal untuk digunakan dalam karangan nanti. (GBM1)
- Murid Tahap 1 sepatutnya lebih mementingkan tatabahasa supaya mereka dapat memahami petikan dan menjawab soalan nanti. (GBM4)

GBM4 berpendapat bahawa strategi manfaatkan penanda wacana untuk memproses hubungan (strategi 7) kurang sesuai digunakan dalam kalangan murid kaum Cina Tahun 1 dan 2

kerana kebanyakan petikan yang terkandung dalam buku teks ialah cerita, skrip lakonan dan sebagainya. Terdapat beberapa teks dalam buku teks Tahun 3 ialah fakta. Pendekatan ini sesuai digunakan dengan teks jenis fakta sahaja.

- Kebanyakan teks Tahun 1 dan Tahun 2 ialah cerita, skrip, lagu dan sebagainya manakala teks Tahun 3 ada fakta. Jadi biasanya saya ajar penanda wacana untuk teks jenis fakta sahaja. Murid akan menyusun isi tersebut dan memahami hubungan idea tersebut. (GBM4)

Cabaran Kekurangan Sokongan daripada Pelbagai Pihak

GBM2 menyatakan bahawa beliau menghadapi cabaran dalam memberi perhatian kepada murid lemah kerana bilangan murid dalam kelas yang terlalu ramai.

- Bagi murid yang lemah, saya tidak dapat selalu membimbing dia dalam kelas kerana bilangan murid tu terlalu ramai. Ada beberapa orang murid lemah ni diajar oleh kawannya, tapi bukan semua murid yang dapat ikut. (GBM2)

Walaupun GBM2 cuba melibatkan murid yang lebih mahir untuk membantu mereka, bukan semua murid kaum Cina dapat maju. Bilangan murid yang banyak boleh menyulitkan interaksi individu dan penilaian bagi setiap murid, terutamanya murid yang memerlukan bantuan tambahan. Selain itu, GBM4 menekankan cabaran bagi murid yang tidak mempunyai akses internet di rumah, yang

menyekat mereka daripada mempraktikkan penggunaan *Google Translate*.

- Ada murid yang tidak mempunyai kemudahan internet di rumah. Oleh itu, mereka tidak dapat mempraktikkan penggunaan *Google Translate* di rumah. (GBM4)

Dari segi lain, GBM3 juga menyokong bahawa strategi mengimbas teks untuk maklumat yang spesifik memerlukan penyediaan bahan yang sesuai, yang memakan masa. Guru perlu mengambil masa untuk mencari bahan yang sesuai dengan tahap pembelajaran murid. Jika soalan terlalu sukar, mereka perlu mengubahnya agar sesuai dengan tahap pemahaman murid.

- Penyediaan bahan tu ambil masa, kena cari bahan yang sesuai untuk setiap tahun kerana tahap mereka adalah berbeza. Kalau soalan tu terlalu susah, kena ubahsuai soalan tu jugak. (GBM3)

Cabaran Peranan Ibu Bapa yang Kurang Diberi Perhatian

Dari segi lain, GBM4 menekankan bahawa peranan ibu bapa adalah penting kerana murid tidak menerima sokongan yang mencukupi daripada ibu bapa, terutamanya jika ibu bapa tersebut tidak mahir dalam Bahasa Melayu. Dalam hal ini, GBM di SJKC berpendapat ibu bapa kaum Cina kurang

memberi perhatian terhadap pembelajaran Bahasa Melayu anak-anak mereka di rumah.

- Kalau dekat sekolah, guru suruh baca di rumah. Masalahnya, ibu bapa sendiri pun tak dapat ajar anak. Cakap tak boleh...busy...kalau ibu bapa tu orang luar negara yang tak tahu Bahasa Melayu, keadaan ni lagi teruk. (GBM4)

Cabaran Pencampuran Murid Lemah dan Murid Pandai

Strategi membaca secara mentalis tidak digunakan oleh keempat-empat GBM tersebut kerana mereka berpendapat bahawa strategi ini kurang sesuai untuk murid-murid kaum Cina Tahap 1 di SJKC. Hal ini disebabkan murid tersebut masih perlu menguasai kemahiran membaca secara mekanis. Murid yang lemah juga mendapat manfaat apabila murid lain membaca secara mekanis.

- Murid Cina perlu membiasakan diri dengan

kemahiran membaca secara mekanis pada Tahap 1. Bagi murid yang pandai membaca, saya juga minta mereka baca dalam hati tapi membaca dengan kuat adalah wajib. (GBM1)

- Sesetengah murid yang lemah tu boleh mengikuti sebutan orang lain. Kalau murid lain baca dengan kuat, mereka pun akan dapat belajar. Dalam Tahap 1, membaca secara mekanis lebih ditekankan. (GBM3)

PERBINCANGAN

Strategi Pengajaran Kemahiran Guru Bahasa Melayu Sekolah Jenis Kebangsaan Cina ketika Mengajar Kemahiran Membaca

Keempat-empat GBM telah menggunakan kaedah masing-masing untuk membolehkan murid mengenal pasti tujuan membaca dengan berkesan. Antara cara yang digunakan adalah dengan menghubungkaitkan pengalaman murid dengan isi kandungan teks tersebut atau mewujudkan satu situasi yang memudahkan pemahaman murid dengan penggunaan bahan maujud. Perkara ini dapat meningkatkan pengalaman murid dengan membolehkan mereka berinteraksi secara langsung dengan bahan pembelajaran. Hal ini selaras dengan kajian Toto Nugroho et al. (2019) menunjukkan bahawa guru sekolah menengah di Eastern Pemalang, Indonesia sentiasa menghubungkaitkan pengalaman sedia ada dengan topik teks pada peringkat sebelum membaca yang dapat memberi peluang kepada murid untuk merasai dan mengeksplorasi dengan lebih mendalam, menyediakan pengalaman pembelajaran yang lebih bermakna dan berkesan.

Dengan membangunkan pengetahuan yang sudah ada, murid dapat membuat hubungan antara bahan baharu dan konsep yang telah dipelajari sebelum ini. Hal ini disokong oleh daptatan kajian Ira Sariyah Hidayati et al. (2020) menunjukkan bahawa murid akan berasa ingin tahu dan bermotivasi untuk membaca teks tersebut apabila dikaitkan pengalaman sedia ada dengan teks yang terpilih. Perkara ini membantu memperkuat pemahaman mereka dan mempercepatkan proses pembelajaran. Penggunaan strategi berpusatkan murid dan teknologi seperti aktiviti lakonan, penggunaan video, soal jawab atau permainan dapat menerangkan topik teks tersebut secara mudah dapat menimbulkan sikap ingin tahu dalam kalangan murid. Pendekatan ini membantu menghidupkan suasana pembelajaran dengan cara yang menarik dan merangsang minat murid terhadap topik yang dipelajari seperti diterangkan oleh Norlela dan Shamsudin (2020).

Dari segi strategi mengimbas teks untuk maklumat yang spesifik, strategi ini digunakan apabila murid perlu menjawab latihan pemahaman. Daptatan kajian ini selaras dengan Maharani Dyah dan Budiasih (2021). Dengan strategi ini, murid dilatih untuk mencari maklumat yang spesifik dalam teks dengan cepat tanpa perlu membaca keseluruhan teks. Penggarisan kata kunci dalam soalan dan pencarian kata kunci tersebut dalam teks ditekankan dalam pengajaran. Hal ini membantu murid untuk mendapatkan jawapan dengan lebih efisien dan efektif serta meningkatkan kemahiran pemahaman mereka dalam pemahaman (Mohammad Naseem 2020). Pendapat mereka selaras dengan daptatan kajian Bona Putra (2020)

yang menunjukkan bahawa *Scanning* adalah penting dalam mencari jawapan kerana membolehkan pembaca untuk mencari maklumat yang spesifik dengan cepat tanpa membaca keseluruhan teks. Namun begitu, daptatan kajian tersebut juga menunjukkan bahawa murid akan melakukan kesilapan seperti tidak berhati-hati semasa mencari teks tersebut. Dengan menggunakan teknik *scanning*, pembaca dapat mengenal pasti kata kunci atau maklumat yang berkaitan dengan soalan dan mencari mereka dengan pantas dalam teks. Hal ini membantu pembaca untuk menjimatkan masa dan tenaga, terutamanya semasa menjawab soalan peperiksaan atau latihan pemahaman di mana kecepatan dalam mencari maklumat adalah penting. *Scanning* juga membantu meningkatkan kecekapan membaca serta memupuk kemahiran pemahaman yang lebih mendalam dengan memberikan fokus kepada aspek-aspek yang penting dalam teks.

Berdasarkan daptatan kajian, strategi ini adalah penting dalam SJKC, terutamanya bagi murid bukan penutur natif kerana mereka menghadapi cabaran untuk menguasai kosa kata Bahasa Melayu. Didapati bahawa keempat-empat GBM tersebut menggunakan pelbagai kaedah seperti kamus dan aplikasi secara dalam talian untuk membolehkan murid mengenali kosa kata. Daptatan kajian Lee dan Faridah (2020) menunjukkan bahawa pengulangan dan latihan membantu murid mengukuhkan cara penyebutan penguasaan murid terhadap suku kata yang keliru sebelum ini. Hal ini disebabkan mereka dapat membina ingatan jangka panjang terhadap perkataan tersebut yang turut membantu mereka menggunakan perkataan tersebut dalam kehidupan seharian. Selain itu, pengenalan kosa kata juga membolehkan murid menggunakan bahasa yang tepat untuk menyampaikan pemikiran mereka dengan lebih tepat dan jelas (Mofareh Alqahtani, 2015). Hal ini turut membina keyakinan diri mereka kerana strategi ini menyediakan asas yang kukuh untuk pembelajaran bahasa yang lebih maju.

Dari strategi kesan dan corak grafem, hanya dua orang GBM yang menggunakan strategi menggunakan kaedah dan corak grafem semasa mengajar kemahiran membaca dalam kalangan murid. Strategi ini hanya digunakan dalam kalangan murid Tahun 1. Hal ini disebabkan murid Tahun 1 SJKC masih perlu menguasai kemahiran membatangkan suku kata dalam masa yang lama kerana Bahasa Melayu merupakan bahasa kedua mereka. Pendapat ini selaras dengan Lee dan Faridah (2022) yang menyatakan bahawa murid bukan penutur natif biasanya mengelirukan suku kata. Hal ini disebabkan mereka dipengaruhi oleh

bahasa ibunda. Berdasarkan dapatan kajian, pengajaran bunyi vokal dan konsonan serta pembentukan suku kata untuk memudahkan proses pembelajaran adalah penting dalam kalangan murid Tahap 1 di SJKC, terutamanya murid Tahun 1 yang memerlukan banyak bimbingan berbanding dengan murid Tahun 2 dan 3. Proses membaca secara mekanis juga ditekankan dalam murid Tahap 1. Hal ini disebabkan pembatangan suku kata merupakan asas kemahiran membaca Bahasa Melayu, terutamanya bagi murid bukan penutur natif kerana mereka tidak biasa dengan bahasa tersebut. Pendapat tersebut selaras dengan pendapat Vijayaletchumy dan Karvenia (2022). Kemahiran memahami struktur dan bunyi-bunyi asas suku kata membantu mereka membina asas yang kukuh dalam membaca. Dengan memahami corak grafem, termasuk ejaan dan pembentukan suku kata, murid dapat menguasai aspek penting dalam membaca. Pengajaran ejaan bersamaan dengan pembentukan suku kata membolehkan murid memperoleh pemahaman menyeluruh tentang perkataan yang mereka baca, membantu mereka menjadi pembaca yang lebih berkesan.

Strategi mengimbas teknik dan pintas untuk mencari idea utama ni digunakan untuk memudahkan murid melihat gambaran secara keseluruhan. Sehubungan dengan itu, GBM boleh menerangkan tajuk dan rumusan teks ini pada akhir PdP Bahasa Melayu selaras dengan dapatan kajian Ira Sariyah Hidayati et al. (2020) yang menunjukkan bahawa GBM dan murid akan membuat ramalan dan rumusan pada peringkat selepas membaca. Dengan menekankan aktiviti-aktiviti seperti mencari tajuk, membaca ayat pertama dan terakhir, serta membuat rumusan, murid dibimbing untuk mengambil inti atau idea utama daripada teks yang dibaca oleh mereka. Hal ini membantu mereka dalam memahami struktur dan organisasi teks, serta mengembangkan kemahiran mereka dalam merumuskan maklumat dengan ringkas dan tepat. Amalan ini menyumbang kepada peningkatan kefahaman dan kecekapan komunikasi dalam Bahasa Melayu (Bobby Pramjit et al. 2020).

Penggunaan peta semantik seperti peta i-THINK dalam pengajaran kemahiran membaca membantu meningkatkan kefahaman murid. Selaras dengan kajian Zarina Ashikin et al. (2021), beliau memandang bahawa peta semantik dapat memberi manfaat kepada murid dalam menyusun maklumat dengan lebih teratur dan terstruktur. Mohd Zikri Ihsan et al. (2019) juga menyatakan bahawa penggunaan peta semantik dapat meningkatkan

skor pencapaian murid dalam ulasan dan karangan. Hal ini disebabkan pelakaran peta semantik memerlukan murid menguasai kemahiran mencari idea utama dan idea sampingan serta memahami teks tersebut. Namun begitu, hanya seorang guru menggunakan strategi ini dalam pengajaran. Penggunaan peta semantik dapat meningkatkan pemahaman membaca murid. Hal ini disokong oleh Teori Kecerdasan Pelbagai. Teori ini menyatakan bahawa setiap individu mempunyai kecerdasan yang berbeza-beza, dan pendekatan pengajaran yang memanfaatkan pelbagai jenis kecerdasan dapat memperkuatkan pembelajaran. Menurut Kho et al. (2020) kecerdasan visual ruang menjadi salah satu domain yang mempengaruhi terhadap pencapaian akademik.

Berdasarkan dapatan kajian, strategi ini hanya digunakan dalam kalangan murid Tahun 3. Penggunaan penanda wacana membolehkan murid berfikiran secara sistematik dan teratur. Pendapat ini selaras dengan Yulianto (2021) yang menyatakan bahawa penanda wacana membolehkan pembaca mengidentifikasi hubungan antara ayat dan perenggan supaya mereka dapat mengikuti pemikiran penulis dengan lebih baik. Selain itu, pendekatan ini juga membantu murid memahami hubungan antara idea dalam teks sehingga mudah mencari isi penting. Asmaa Al-Khazraji (2019) menyokong pendapat ini dengan menyatakan bahawa pembaca dapat mengenali pola penggunaan penanda wacana untuk menghubungkan idea dan memahami keseluruhan makna teks dengan lebih mudah. Selain itu, dapatan kajian menunjukkan bahawa pengaplikasian strategi pengajaran penanda wacana dalam pembelajaran kemahiran membaca murid Tahun 3 membantu mereka berfikir secara sistematik dan teratur serta memahami hubungan antara idea dalam teks. Hal ini selaras dengan dapatan kajian Syazwan dan Zamri (2021) yang menunjukkan bahawa murid Tahun 4 lebih sistematis semasa menggunakan penanda wacana dalam penulisan Bahasa Melayu.

Sebagai rumusan, GBM yang mengajar di SJKC menggunakan pelbagai strategi mengajar untuk membantu murid-murid kaum Cina mempelajari dan menguasai kemahiran membaca dengan baik. Oleh kerana murid kaum Cina merupakan penutur bukan natif, maka GBM perlu menggunakan strategi-strategi mengajar Bahasa Melayu yang sesuai dengan tahap kemampuan berbahasa Melayu. Strategi mengajar ini juga perlu menarik dan tidak membosankan agar murid-murid kaum Cina seronok belajar Bahasa Melayu.

Cabarani Dihadapi oleh Guru Bahasa Melayu di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Ketika Mengajar Kemahiran Membaca

Dari segi cabaran, didapati bahawa GBM menghadapi cabaran seperti kesuntukan masa

apabila GBM ingin menggunakan aktiviti set induksi yang lebih seronok seperti permainan dan

lakonan atau mengajar konsep yang kompleks. Pendapat tersebut selaras dengan pendapat Ahmad Afandi et al. (2024) yang menyatakan bahawa aktiviti permainan dan aktiviti kompleks mengakibatkan kesuntukan masa PdP supaya murid dapat bermain secara berkesan sambil meneroka ilmu. Keadaan ini menunjukkan bahawa masa yang diberikan untuk pembelajaran mungkin tidak mencukupi untuk melaksanakan aktiviti yang dirancangkan. Kekurangan masa boleh menghalang pencapaian objektif pembelajaran dan menyebabkan tekanan terhadap pendidik untuk menyiapkan pengajaran dalam tempoh yang terhad. Oleh itu, penyelaras antara masa yang tersedia dan aktiviti yang dirancang adalah penting untuk memastikan pembelajaran yang berkesan. Berdasarkan dapatan kajian Noor Lela dan Nur Afrina Haziqah (2020), pengurusan masa guru di daerah Kuantan hanya berada pada tahap sederhana tinggi. Pengawalan masa adalah penting bagi pendidik kerana kriteria ini merupakan penanda aras keberkesanan guru untuk memastikan aktiviti PdP Bahasa Melayu berjalan dengan berkesan.

Namun, dapatan kajian juga menunjukkan bahawa minat murid kaum Cina yang rendah menjadi salah satu cabaran pengajaran strategi mengajar kemahiran membaca tersebut. Hal ini menunjukkan bahawa keberkesaan proses pembelajaran juga bergantung kepada keupayaan GBM untuk mengekalkan minat dan penglibatan murid melalui aktiviti yang berkualiti dan menarik. Hal ini disokong oleh Habibah et al. (2023) yang mendapati bahawa minat murid membaca bahan bacaan fizikal telah meluntur selepas pasca pandemik. Hal ini turut menyebabkan pengetahuan am murid semakin rendah dan menjadikan mereka sukar untuk memahami dan mengetahui situasi yang berlaku ketika ini. Pembelajaran strategi pemahaman juga mendatangkan kesan buruk, iaitu murid mudah berasa bosan. Pendapat ini selaras dengan pendapat Elok Faikhotul (2022) yang menyatakan bahawa kesan buruk strategi ini ialah murid mudah rasa bosan dan kurang berminat. Oleh itu, GBM perlu mencari cara untuk menjalankan PdP yang lebih menarik. Pendekatan tersebut termasuklah penggunaan humor atau penerangan lanjut, seperti menunjukkan gambar-gambar yang relevan, untuk membantu murid menumpukan perhatian dan terus terlibat dalam proses pembelajaran. Hal ini menunjukkan bahawa keberkesaan strategi *scanning* juga bergantung kepada cara pengajaran yang kreatif dan menarik oleh GBM yang mengajar di SJKC.

Hakikatnya, didapati bahawa murid tidak berfokus semasa membaca secara mentalis. Hal ini disebabkan membaca secara mentalis memerlukan kemahiran kognitif yang lebih tinggi kerana murid perlu memahami dan menginterpretasi teks dengan pantas. Namun begitu, Martin et al. (2013) membantah hasil pendapatannya ini dengan

menyatakan bahawa kemahiran mentalis perlu dipupuk kerana dapat meningkatkan kemahiran atribusi, ramalan dan memori dalam kalangan kanak-kanak. Hal ini menunjukkan bahawa kemahiran mentalis bukan hanya merujuk kepada kemahiran membaca secara senyap, tetapi juga menekankan kepentingan membangunkan kognitif linguistik. Namun begitu, didapati bahawa murid Tahap 1 teruattamanya murid Tahun 1 dan 2 belum menguasai kemahiran tersebut. Sehubungan dengan itu, Geraman dan Azhar (2019) menunjukkan bahawa terdapat hubungan signifikan antara pembelajaran mentalis seperti aktiviti mental, makna petikan, mencerna idea, struktur, sintaksis atau Morfologi dengan pemahaman teks kesasteraan Melayu. Oleh itu, disimpulkan bahawa pembelajaran mentalis dapat mempengaruhi murid untuk menguasai kemahiran membaca Bahasa Melayu.

Antara cabaran yang dihadapi oleh guru ialah daya motivasi murid kaum Cina yang rendah untuk mengenali perkataan baharu. Murid SJKC enggan mencari makna perkataan baharu kerana beranggapan bahawa Bahasa Melayu adalah sukar dan bosan. Hal ini selaras dengan pendapat Amirah et al. (2023) yang mendapati bahawa minat murid yang rendah mempengaruhi tindak balas murid, iaitu murid enggan memberikan kerjasama yang baik apabila diminta membuat sesuatu tugas Bahasa Melayu kerana tidak berminat. GBM terpaksa ulang semula pelajaran lepas kerana memandangkan murid tersebut telah lupa tentang kandungan pembelajaran tersebut. Minat murid yang rendah akan mengakibatkan penguasaan kemahiran Bahasa Melayu yang lemah. Hanya dua GBM daripada empat GBM yang menggunakan strategi *skimming*. Selaras dengan Toto Nugroho et al. (2019), hanya beberapa orang GBM yang menggunakan rumusan semasa mengajar kemahiran membaca. Hal ini disebabkan kemahiran ini memerlukan murid mempunyai daya pemikiran yang tinggi dan kritis dan kesuntukan masa semasa berbuat demikian.

Berdasarkan dapatan kajian, murid Tahap 1 masih perlu dibimbangi kerana mereka masih tidak mempunyai daya pemikiran yang matang. Pendapat tersebut selaras dengan kajian Nurhidayah dan Wan Muna Ruzanna (2023) yang menyatakan bahawa murid Tahun 1 SJKC menghadapi masalah seperti kurang bercakap dalam Bahasa Melayu dan mudah dipengaruhi oleh faktor persekitaran. Kekurangan interaksi dalam pembelajaran Bahasa Melayu dan pengaruh persekitaran menyebabkan murid bukan penutur natif tersebut sukar menguasai Bahasa Melayu dengan baik. Sebaliknya, dapatan kajian menunjukkan bahawa murid Tahun 2 dan 3 tidak menghadapi masalah apabila mempraktikkan strategi ini. Hal ini disebabkan GBM tersebut membimbing murid-murid Tahun 2 dan 3 membuat rumusan ringkas yang sesuai dengan tahap mereka.

Menurut Abdul Rasid Jamian dan Nurfatin Nabihah Baharom (2018), penggunaan teknik membaca yang sesuai seperti teknik KWLH juga menekankan kepentingan membaca teks secara menyeluruh kerana dapat meningkatkan pencapaian kemahiran membaca murid. Walaupun objektif dicapai, GBM masih perlu mencari jalan untuk meningkatkan kemahiran murid dan kemahiran diri sendiri kerana pendekatan berstruktur dan bimbingan langsung daripada GBM adalah penting dalam peringkat awal pembelajaran membaca.

Strategi *scanning* ditekankan kerana murid-murid kaum Cina perlu menguasai kemahiran untuk menjawab soalan peperiksaan. Asriana (2020) menyokong pendapat tersebut dengan menyatakan bahawa teknik *scanning* dapat meningkatkan keputusan murid dalam kemahiran membaca. Hal ini disebabkan teknik ini dapat membantu murid membaca secara mendalam. Namun begitu, murid akan menghadapi masalah kerana murid perlu memahami keseluruhan kandungan. Jika dilihat dari aspek lain, cabaran lain ialah terdapat murid yang tidak memahami konsep sesuatu teknik seperti *scanning* untuk mencari jawapan dengan menggunakan kata kunci tanpa melihat maksud ayat itu. Cabaran ini juga diterangkan dalam kajian yang mendapati bahawa murid Cina menghadapi masalah seperti menentukan idea utama, mencari informasi tertentu, menentukan rujukan, membuat ramalan dan kosa kata. Kebolehan murid memahami bahan bacaan secara eksplisit dalam teks perlu dipupuk oleh guru. Hal ini disebabkan murid Cina tidak dapat memahami maksud seluruh petikan. Kefahaman murid yang kurang memberangsangkan juga merupakan salah satu sebab utama GBM memilih untuk berfokuskan kemahiran lain yang dianggap lebih penting selain daripada menggunakan beberapa strategi. Dapatkan kajian Elleman dan Oslund (2019) menunjukkan bahawa penambahan pengetahuan dan kosa kata mengambil masa untuk dibentuk dalam kalangan murid. Fokus awal dan secara berterusan penambahan pengetahuan dan kosa kata adalah penting dalam semua aras pembelajaran. Oleh itu, pentaksiran berterusan adalah penting supaya guru tersebut dapat membuat ramalan yang lebih tepat dengan murid sebelum memperkenalkan konsep yang lebih kompleks.

Dari segi pedagogi dan sikap GBM, didapati bahawa GBM berpendapat bahawa sumber makna harfiah dan tersirat sukar diajar. Oleh itu, GBM hanya mengajar strategi ini melalui peribahasa dan puisi yang dianggap lebih mudah difahami oleh murid. Hal ini menunjukkan bahawa GBM masih kurang pengetahuan pedagogi terhadap pelaksanaan strategi ini. Menurut Muhammad Arief et al. (2023), pemahaman makna tersirat bukan hanya terkandung dalam teks sastera, tetapi juga dalam pelbagai bentuk teks termasuk cerita pendek, artikel berita dan dialog sehari-hari. Oleh itu, latihan

profesional berterusan bagi GBM Tahap 1 adalah penting untuk meningkatkan kemahiran pedagogi mereka dalam mengajar pemahaman teks yang kompleks.

Murid juga didapati menghadapi masalah semasa menguasai peribahasa. Salah satu sebab utama ialah sikap GBM yang lebih mengutamakan pengajaran aspek lain berbanding peribahasa. Menurut kajian Muhammad dan Julaina (2021), peribahasa sering dianggap sukar kerana mengandungi makna tersirat yang memerlukan pemahaman konteks budaya dan bahasa yang mendalam. GBM cenderung untuk meninggalkan pengajaran peribahasa kepada GBM Tahap 2, yang menangguhkan pemahaman murid terhadap aspek bahasa yang penting ini. Hal ini menimbulkan isu berkenaan kesinambungan dan kesinambungan pengajaran. Menurut kajian Hasifah dan Muhammad Faizal (2022), pengajaran yang berkesan memerlukan perancangan dan kerjasama antara GBM pada semua tahap untuk memastikan murid mendapat pendedahan yang berterusan dan berperingkat kepada semua aspek bahasa.

Jika dilihat dari perspektif lain, sikap GBM sendiri juga menjadi salah satu cabaran pelaksanaan sesuatu strategi. Hanya seorang GBM di SJKC yang menekankan penggunaan penanda wacana kerana strategi ini dianggap lebih sesuai digunakan dalam teks fakta. Oleh itu, GBM tersebut lebih banyak melaksanakan strategi ini dalam kalangan murid Tahun 3. Hal ini disebabkan kebanyakan petikan yang terkandung dalam buku teks Tahun 1 dan 2 ialah cerita, skrip lakonan dan sebagainya yang mudah. Yulianto (2021) juga menyatakan bahawa penanda wacana memainkan peranan penting untuk membantu pembaca memahami struktur dan hubungan antara idea dalam teks fakta. Namun begitu, penanda wacana juga dapat dicari dalam teks naratif untuk menfokuskan aliran cerita dan pemahaman makna yang tersirat daripada tindakan dan dialog watak. Hal ini menunjukkan bahawa GBM boleh mengajar penanda wacana yang mudah walaupun mengajar petikan yang mudah.

Antara cabaran yang dihadapi oleh GBM di SJKC termasuklah murid lemah kurang diberikan perhatian kerana bilangan murid dalam kelas yang terlalu ramai. Bilangan murid yang banyak boleh menyulitkan interaksi individu dan penilaian bagi setiap murid, terutamanya murid yang memerlukan bantuan tambahan. Berdasarkan kajian Hanushek dan Woessmann (2017) serta Mohd Faizul et al. (2018), saiz kelas mempengaruhi pencapaian akademik murid. Apidah (2023) juga menyokong pendapat tersebut dengan menyatakan bahawa persekitaran pembelajaran mempunyai perkaitan positif dengan pencapaian akademik. Antara persekitaran kelas termasuklah kemudahan fasiliti, persekitaran bilik darjah dan pengajaran GBM yang menyumbang kepada peningkatan prestasi dan

pencapaian akademik murid. Saiz kelas yang kecil membolehkan GBM lebih berfokus dan meningkatkan produktiviti kerja dan pembelajaran murid. Hal ini mempengaruhi emosi murid lebih bermotivasi kerana berasa selasa semasa belajar. Oleh itu, saiz kelas yang bersesuaian dapat mewujudkan suasana pembelajaran yang kondusif.

Kekurangan infrastruktur yang lengkap juga menjadi salah satu halangan pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan murid tersebut. Nilavani dan Khairul Azhar (2021) menyokong pendapatannya tersebut dengan menyatakan bahawa kemudahan sekolah yang tidak lengkap akan mendatangkan kesan buruk kepada PdP murid. Hal ini menunjukkan bahawa motivasi dan akses kepada sumber pembelajaran adalah faktor penting dalam pembelajaran kosa kata. Dengan menganalisis kosa kata secara terperinci, GBM dapat membantu murid memahami makna kata-kata yang baharu dan meningkatkan kefahtaman mereka terhadap teks secara keseluruhan. Analisis kosa kata juga membantu dalam memperluas pembentahan kata murid, meningkatkan kemahiran pemahaman bacaan, dan meningkatkan kefahtaman Bahasa Melayu mereka. Dengan menggunakan strategi ini, GBM dapat membantu murid bukan penutur natif untuk mengatasi cabaran dalam memahami teks Bahasa Melayu dengan lebih efektif.

GBM juga menghadapi cabaran apabila mencari bahan pengajaran yang sesuai bagi murid Tahap 1. Didapati bahawa GBM perlu mengambil masa untuk mencari bahan yang sesuai dengan tahap pembelajaran murid. Hal ini selaras dengan dapatan kajian Fatin Imanina dan Anuar (2024) yang menunjukkan bahawa guru menghadapi kekangan apabila menggunakan bahan elektronik dalam pendidikan Sejarah, iaitu kekurangan kemudahan di dalam kelas. Hal ini disebabkan bahan tersebut tidak diselenggarakan dengan baik. Eusebio dan Kee Y.Sabariah (2023) menunjukkan bahawa wujudnya pengaruh yang signifikan antara sokongan organisasi dan penyediaan bahan kerana mendapati bahawa GBM akan mengalami tekanan jika kurang mendapatkan sokongan daripada organisasi sekolah walaupun mempunyai kemahiran yang tinggi tetapi jika persekitaran

tempat kerja kurang memuaskan.

Peranan ibu bapa juga dipersoalkan. Ibu bapa yang tidak mahir Bahasa Melayu akan mempengaruhi penguasaan Bahasa Melayu murid bukan penutur natif kerana tidak menerima sokongan yang mencukupi daripada ibu bapa. Pendapat ini selaras dengan dapatan kajian Ugartini (2021) yang menggunakan kaedah kuantitatif mendapati bahawa kebanyakan murid B40 dari sekolah menengah tertentu dalam pembelajaran dan mempunyai prestasi pendidikan yang rendah disebabkan oleh ibu bapa yang tidak menghiraukan pendidikan anak mereka sehingga murid tersebut tidak dapat menghadiri kelas sepenuhnya. Hal ini dapat menghalang kemajuan pembelajaran mereka dalam kemahiran membaca. Ketidakupayaan untuk memberikan bantuan atau panduan yang berkesan dalam Bahasa Melayu dapat membataskan akses murid kepada sumber sokongan dan pembelajaran tambahan di rumah.

Beberapa strategi tidak digunakan oleh keempat-empat GBM tersebut kerana mereka berpendapat bahawa strategi ini kurang sesuai untuk murid Tahap 1 di SJKC. Hal ini disebabkan bahawa murid tersebut masih perlu menguasai kemahiran membaca asas seperti membaca secara mekanis. Oleh itu, murid yang lemah perlu sentiasa mendapat bimbingan kerana mereka tidak dapat menguasai kemahiran asas membaca. Melalui membaca secara mekanis bersama-sama, murid yang lemah juga mendapat manfaat apabila murid lain membaca secara mekanis. Pendapat ini selaras dengan dapatan kajian Usha dan Vijayalethchumy (2019) yang mendapati bahawa semua murid lemah di daerah Batu Cave tidak menguasai kemahiran membaca kerana mereka bersetuju bahawa mereka tidak membaca ayat petikan Bahasa Melayu dengan jelas dan kuat dan tidak membaca petikan berulang kali. Latihan membaca secara mekanis di dalam kelas membantu murid yang lemah mengikuti rentak pembelajaran rakan-rakan mereka. Aktiviti membaca secara mekanis yang dilakukan secara beramai-ramai membolehkan murid yang lemah meniru dan mempelajari sebutan serta intonasi dengan lebih baik.

KESIMPULAN

Secara kesimpulan, pengajaran kemahiran membaca di SJKC berhadapan banyak cabaran. Walaupun GBM menggunakan pelbagai strategi mengajar kemahiran membaca, tetapi tahap penguasaan kemahiran membaca murid-murid bukan penutur natif ini masih ditahap sederhana dan kurang memuaskan. Murid-murid Cina ini masih lemah penguasaan Bahasa Melayu mereka

walaupun GBM menggunakan pelbagai strategi mengajar yang dapat menarik minat dan sikap murid Cina ini mempelajari dan menguasai Bahasa Melayu dengan baik. Justeru, peranan semua pihak terutamanya ibu bapa amat penting dalam membantu anak-anak mereka mempelajari dan menguasai Bahasa Melayu dengan baik.

PENGHARGAAN

Kajian ini tidak menerima sebarang geran khusus daripada mana-mana agensi pendanaan.

RUJUKAN

- Abdul Rasid Jamian & Nurfatin Nabihah Baharom. 2018. Kesan penggunaan teknik KWLH dalam kemahiran membaca kalangan murid Sekolah Jenis Kebangsaan Cina. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 8(2):48-56.
- Ahmad Afandi Yusri, Muhammad Zuhair Zainal & Irwan Mahazir Ismail. 2024. Pembelajaran berdasarkan permainan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu: Suatu tinjauan literatur. *International Journal of the Malay World and Civilisation* 12(1):15-26.
- Alhaadi Ismail & Norimah Zakaria. 2019. Faktor yang mempengaruhi motivasi pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan SJKC Chung Hwa Teluk Kemang. *International Journal of the Malay World and Civilisation* 7(3):23-30.
- Amirah Azhar, Zamri Mahamod, ANur Syuhada Mat Husin & Noorfaraasikin Abdullah. 2023. Kekangan dan strategi guru Bahasa Melayu sekolah rendah dalam meningkatkan motivasi murid selepas pasca pandemik COVID-19. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 13(1):73-88.
- Apidah Amin. 2023. Hubungan persekitaran pembelajaran dan pencapaian akademik pelajar tingkatan enam. *Jurnal Pemikir Pendidikan* 11: 23-35.
- Asmaa Al-khazraji. 2019. Analysis of discourse markers in essays writing in ESL classroom. *International Journal of Instruction* 12(2): 559-572.
- Asriana Zainal Abidin. 2020. Students reading comprehension through scanning technique. *Journal of Asian Multicultural Research for Educational Study* 1(1): 28-35.
- Bobby Pramjit Singh Dhillon, Herman & Syafryadin. 2020. The effect of skimming method to improve students' ability in reading comprehension on narrative text. *Journal of Linguistics and Language Teaching* 6(1): 77-88.
- Bona Putra. 2020. An analysis of students ability in skimming and scanning in reading class of English Department FTIK IAIN LANGSA. *JADEs:Journal of Academia in English Education* 1(1): 72-83.
- Brown, H.D. 2001. *Teaching by Principle: An Interactive Approach to Language Pedagogy. 2nd Edition.* San Fransisco:Longman.
- Creswell, J.W. 2012. *Planning, Conducting, and Evaluating Quantitative and Qualitative Research. 4th Edition.* Boston: Edwards Brothers, Inc.
- Deeneswary Shamugam & Nurfaradilla Mohamad Nasri. 2021. Sikap dan motivasi murid India sekolah rendah pedalaman Tamil dalam mempelajari Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. *Jurnal Dunia Pendidikan* 3(3): 331-341.
- Elok Faikhotul Nimah. 2020. The effectiveness of scanning technique and authentic material in teaching reading comprehension at tenth grade student of SMAN 1 Sambit. Thesis Master, Faculty Tarbiyah and Teachers Training, State Institute of Islamic Studies Ponorogo.
- Elleman, A.M. & Oslund, E.L. 2019. Reading comprehension research: Implications for practice and policy. *SAGE Journals* 6(1):3-11.
- Ermias Mulatu & Taye Regassa. 2022. Teaching reading skills in EFL classes: Practice and procedures teachers use to help learners with low reading skills. *Cogent Education* 9(1): 1-18.
- Eusebio, A. & Kee Y. Sabariah Kee Mohd Yussof. 2023. Pengaruh sokongan organisasi dan keupayaan menggunakan teknologi terhadap niat menggunakan e-pembelajaran dalam kalangan guru sekolah rendah di kawasan luar bandar Sabah. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)* 8: 328-344.
- Faida Rahim. 2023. Lebih 170,000 murid sekolah di Malaysia tidak mahir membaca. *Berita Harian*, 13 Januari. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/lebih-170000-murid-sekolah-di-malaysia-tidak-mahir-membaca-401747> (diakses pada 22 Julai 2024)
- Fatin Imanina Abd. Rahman & Anuar Ahmad. 2024. Cabaran guru menggunakan bahan elektronik dalam proses pengajaran dan pembelajaran sejarah. *Malaysia Journal of Social Sciences and Humanities* 9(2): 1-11.
- Fitri Nurdianingsih. 2021. Teacher's strategies in teaching reading comprehension. *Professional Journal of English Education* 4(2): 285-289.
- Gendis Nadira Dwiningtiyas, Dedi Sofyan & Hilda Puspita. 2020. Teachers' strategies in teaching reading comprehension. *Journal of Applied Linguistics and Literacy* 4(2): 66-77.
- Geraman, C.L. & Azhar Wahid. 2019. Prinsip pembelajaran mentalis dalam pengajaran dan pembelajaran teks Kesusastraan Melayu Sekolah Menengah. *Jurnal Peradaban* 14:

- 22-34.
- Habibah Mohammad@Basiron, Nor Azwahanum Nor Shaid & Nurul Azlin Othman. 2023. Kelunturan minat membaca bahan bacaan berbentuk fizikal dalam kalangan murid Tahap 2 sekolah kebangsaan luar bandar. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 13(1): 50-63.
- Haizah Bukari & Norazana Awang Kechik. 2022. Pengaruh bahasa ibunda terhadap kemahiran bertutur dalam kalangan murid India di sebuah sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 12(1):63-71.
- Hamizah Gunawan. 2024. 400,000 murid ada masalah pembelajaran 3M, ibu bapa rasa guru lemah ajar subjek teras. *Majoriti*, 13 Mac. <https://majoriti.com.my/netzkorner/2024/03/13/400000-murid-ada-masalah-pembelajaran-3m-ibu-bapa-rasa-guru-lemah-ajar-subjek-teras> (diakses pada 22 Julai 2024)
- Hanushek, E.A. & Woessmann, L. 2017. *School Resources and Student Achievement: A Review of Cross-Country Economic Research*. New York: Springer, Cham.
- Harits Asyraf Hasnan. 2017. Kelemahan guru punca 60 peratus sekolah hadapi masalah KBAT. *Astro Awani*, 8 Novermber. [http://www.astroawani.com/berita-malaysia/kelemahan-guru-punca-60peratus-sekolah-hadapi-masalah-kbat-159944_\(22Julai2024\)](http://www.astroawani.com/berita-malaysia/kelemahan-guru-punca-60peratus-sekolah-hadapi-masalah-kbat-159944_(22Julai2024))
- Hasanah Adon & Rozita Che Rodi. 2021. Penguasaan morfologi pelajar Cina dalam pembelajaran Bahasa Melayu Tahap 2 di daerah Asajaya. *Jurnal Peradaban Melayu* 16(2): 45-53.
- Hasifah Hassan & Muhammad Faizal A.Ghani. 2022. Pengaruh komitmen guru dan penyeliaan Guru Besar terhadap pengurusan bilik darjah di sekolah rendah daerah Tenom, Sabah. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan* 9(1): 56-76.
- Intan Nur Syuhada Hamzah & Zamri Mahamod. 2021. Strategi pengajaran dalam talian yang digunakan oleh guru Bahasa Melayu dalam meningkatkan kemahiran membaca murid sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 11(2): 54-67.
- Ira Sariyah Hidayati, Muhammad Amin & Yini Budi Lestari. 2020. A study on teacher strategies in teaching speaking and reading comprehension skills: A case study at SMAN 8 Mataram. *Proceedings of the 2nd Annual Conference on Education and Social Science (Acess 2020)*, hlm. 174-177.
- Jayaganes Balanadam & Khairul Azhar Jamaluddin. 2021. Isu dan cabaran dalam kemahiran membaca di kalangan murid sekolah rendah di Malaysia. *Jurnal Dunia Pendidikan* 3(4): 127-135.
- Kamarul Azmi Jasmi. 2012. Metodologi Pengumpulan Data dalam Penyelidikan Kualitatif dalam Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1 2012 di Puteri Resort Melaka on 28-29 Mac 2012. Organized by Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Temenggong Ibrahim, Jalan Datin Halimah, 80350 Johor Bahru, Negeri Johor Darul Ta'zim.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2018. *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Bahasa Melayu Tahun 5*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2022. *Laporan Tahunan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 2022*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kho Ai Peng, Mohd Asri Mohd Noor & Nor Azrin Md Latip. 2020. Pengaruh kecerdasan pelabagi terhadap pencapaian akademik pelajar bagi subjek Pengajian Perniagaan di Larut Matang dan Selama, Perak. *Akademia* 90 (Isu Khas 3): 115-130.
- Fenny Lau Yeo Feng, Kee Guek Fen, Khoo Phau Liang & Lee Huoy Shin. 2021. Kaedah pengajaran dalam talian guru Bahasa Melayu dan motivasi murid sekolah jenis kebangsaan Cina sepanjang tempoh perintah kawalan pergerakan. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 11(1): 57-74.
- Lee Ngiiik Ting & Faridah Mydin Cutty. 2022. Meningkatkan kemahiran membaca dan motivasi murid bukan penutur natif dalam Bahasa Melayu melalui kaedah Ekspres-I. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities* 7(5): 1-21.
- Maharani Dyah Ayu Setiawati & Budiasih. 2021. Strategies of teaching reading comprehension for the junior high school students during the COVIED-19 pandemic. *International Journal of Research on English Teaching and Applied Linguistics* 2(2): 15-25.
- Mansour Amini, Ali Zahabi, Davoud Amini dan Seyed Saber Alavi Hosseini. 2020. A review of reading strategies and models in learning and teaching of English as a foreign language. *The Asian Journal of English Language & Pedagogy* 8(2): 14-26.
- Martin, M.A.C., Manzanares, M.C.S. & Sanchez, J.M.R. 2013. Effect of a metacognitive training program of mentalist skills. *Psicothema* 25(1): 31-37.
- Mofareh Alqahtani. 2015. The importance of vocabulary in language learning and how to be taught. *International Journal of Teaching and Education* 3(3): 21-34.
- Mohammad Naseem Pasarlay. 2020. The importance of scanning and skimming strategies in reading comprehension. *International Journal for Innovative Research*

- in Multidisciplinary Field* 6(2): 51-54.
- Mohammad Sadegh Golvardi Yazdi, Seyed Majid Haghigheh Shoar, Ghasem Sobhani, Fatemeh Vafisani, Roghaie Khoshkholgh, Nafiseh Mousavi Bazaz & Azam Mansourzadeh. 2021. Factors affecting students' guesswork in multiple choice questions and corrective strategies. *Medical Education Bulletin* 297-305.
- Mohd Faizul Muhammad, Mazdi Marzuki, Muhammad Hasbi Abdul Rahman, Kamarul Ismail & Jabil Mapjabil. 2018. Daya tampung kemudahan pendidikan dan implikasi kepada kesejahteraan penduduk di Mukim Serendah. *GEOGRAFIA Malaysian Journal of Society and Space* 14(1): 116-129.
- Mohd Saiful Othman & Nor Azwahanum Nor Shaid. 2021. Isu dan cabaran guru Cina dalam pengajaran Bahasa Melayu di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina. *International Journal of Humanities, Philosophy and Language (IJHPL)* 4(16): 1-15.
- Mohd Zikri Ihsan Mohamad Zabhi, Shamsudin Othman, Abdul Rasid Jamian & Azhar Md.Sabil. 2019. Penggunaan peta pemikiran dalam pembelajaran penulisan Bahasa Melayu tingkatan tiga di sekolah menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 9(2): 14-26.
- Muhammad Ahmad Fadzil & Julaina Nopiah. 2021. Estetika rasa dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *International Young Scholars Journal of Languages* 4(2): 113-135.
- Muhammad Arief Ramlil, Muhammad Aditya Surya Saputra dan Neneng Nurjanah. 2023. Telaah materi semantik "makna tersirat" pada buku teks Bahasa Indonesia" Kelas 10 Madrasah Aliyah Istiqlal. *Jurnal Kansasi* 8(2): 87-96.
- Muhammad Yusri Muzamir. 2021. KPM pastikan semua murid kuasai 3M. *Berita Harian*, 9 November.
[https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/11/85371/kpm-pastikan-semua-murid-kuasai-3m#:~:text=KUALA%20LUMPUR%3A%20Kementerian%20Pendidikan%20\(KPM,\(3M\)%20dengan%20lebih%20baik.](https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/11/85371/kpm-pastikan-semua-murid-kuasai-3m#:~:text=KUALA%20LUMPUR%3A%20Kementerian%20Pendidikan%20(KPM,(3M)%20dengan%20lebih%20baik.) (22 Julai 2024)
- Nguyen Thi Lan Puong. 2022. Teachers' strategies in teaching reading comprehension. *International Journal of Language Instruction* 1(1): 19-28.
- Nilavani Mahalingam & Khairul Azhar Jamaludin. 2021. Impak dan cabaran pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran atas talian semasa Perintah Kawalan Pergerakan. *Jurnal Dunia Pendidikan* 3(4): 104-115.
- Noor Lela Ahmad & Nur Afrina Haziqah Azman. 2020. Tahap amalan pengajaran berkesan guru prinsip perakaunan berdasarkan Model Slavin. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 45(1): 53-62.
- Nora'Azian Nahar. 2020. Penguasaan kemahiran membaca dan menulis Bahasa Melayu dalam kalangan murid bukan penutur natif di Sekolah Jenis Kebangsaan. *Issues in Language Studies* 9(1): 107-123.
- Norlela Ahmad & Shamsudin Othman. 2020. Penggunaan kaedah Didik Hibur dalam pengajaran kemahiran membaca guru Bahasa Melayu sekolah rendah. *International Journal of Education and Training* 6(2): 1-11.
- Nurhidayah Mat Husin & Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad. 2023. penguasaan kemahiran membaca dan menulis Bahasa Melayu murid Tahun 1 di SJKC dari perspektif guru. *Jurnal Dunia Pendidikan* 5(1): 279-292.
- Nurul Ashikin Md. Yatim, Chew Fong Peng & Zuraidah Abdullah. 2020. Tahap Pengetahuan Pedagogi Kandungan Guru Bahasa Melayu Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 10(2): 45-53.
- Puveneswari Ganesan & Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad. 2021. Motivasi murid India terhadap pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. *Jurnal Dunia Pendidikan* 3(1): 203-212.
- Rio Laksamana Prastra & Ashadi. 2020. Teacher's strategies in improving student's reading interest. *Jurnal Pendidikan Bahasa Asing dan Sastra* 4(2): 224-235.
- Slyvester Lau Yueh Wei, Alizah Lambri & Rosliah Kiting. 2020. Penguasaan kemahiran membaca Bahasa Melayu murid bukan penutur jati di Bintulu, Sarawak. *Journal of Social Science* 6(1): 33-42.
- Steven Frennandes Aping, Muhamad Amir Asyraf Abdul Rahim & Muhamad Norhazim Izman. 2022. Sikap dan faktor yang mempengaruhi motivasi pelajar Bajau Ubian terhadap pembelajaran Bahasa Melayu secara dalam talian. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 12(2): 102-117.
- Syamsiah Depalina Siregar. 2019. Contextual Guessing Technique in reading. *English Journal of Teaching and Learning* 7(1): 29-44.
- Syazwan Mohd Sanosi & Zamri Mahamod. 2021. Keberkesanan penggunaan Jejari Penanda Wacana (JPW) dalam meningkatkan kemahiran menulis karangan Bahasa Melayu murid sekolah rendah. *Jurnal Dunia Pendidikan* 3(1): 102-110.
- Tarnia Junita, Mukhrizal dan Elfrida. 2023. Teacher's strategies in teaching reading comprehension at senior high schools. *Wacana : Jurnal Penelitian Bahasa, Sastra dan Pengajaran* 21(2): 110-126.

- Toto Nugroho, Dwi Anggani, L.B. & Rudi Hartono. 2019. English teachers' perception on strategies in teaching reading comprehension to motivate the students. *English Education Journal* 9(1): 56-61.
- Ugartini Magesvaran. 2021. Tahap pengetahuan dan kekangan yang dihadapi oleh guru Bahasa Melayu ketika menggunakan aplikasi *Google Meet* dalam pengajaran dan pembelajaran dalam talian. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 11(2): 39-53.
- Usha Nagasundram & Vijayaletchumy Subramaniam. 2019. Strategi kemahiran membaca dalam kalangan murid cemerlang dan murid lemah di SJK(T) Batu Caves, Selangor. *Infrastructure University Kuala Lumpur Research Journal* 7(2): 130-151.
- Vijayaletchumy Subramaniam & Kavenia Kunasegran. 2022. Kemahiran membaca murid disleksia dalam literasi Bahasa Melayu. *Jurnal Bahasa* 22(2): 329-346.
- Wan Nurzuliana Wan Ahmad. 2019. Amalan guru dalam melaksanakan kemahiran literasi Bahasa Melayu bagi Program LINUS di sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 9(1): 1-11.
- Wilda Fitri, Eliza, Irwandi & Loli Safitri. 2022. An analysis of students' difficulties in reading comprehension of descriptive text. *Journal of English Language and Education* 7(2):52-67.
- Yesicha Audina, Nibenia Zega, Asima Simarmata, Kiki Velina Situmeang & Sri Ninta Tarigan. 2020. An analysis of teacher's strategies in teaching reading comprehension. *Jurnal Pendidikan* 11(1): 94-105.
- Yulia Ade Saputri, Syamsul Rizal & Zelbia Liska Afriani. 2021. An analysis on English teacher strategies in teaching reading comprehension. *Jadila: Journal of Development and Innovation in Language and Literature Education* 1(3): 353-361.
- Yulianto. 2021. Discourse markers in news articles of the Jakarta Post. *J-SHMIC: Journal of English for Academic* 8(1):55-63.
- Zarina Ashikin Zakaria, Norhana Abdullah, Normazla Ahmad Mahir, Suzannah Selamat & Kharyati Md Bahir. 2021. kesan penggunaan peta pemikiran dalam program *i-Think* terhadap peningkatan tahap penguasaan pelajar dalam mata pelajaran Pendidikan Islam. *Sains Insani* 6(1): 150-154.